



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PUSAT
PENGAJAR DAN ORANG KOMPETEN
2019**

KATA ALU-ALUAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) ialah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil-sijil kompetensi ke atas individu dan firma yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan dalam bidang yang diperlukan oleh akta dan peraturan yang dikuatkuasakan. Persijilan kompetensi ini dikeluarkan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan.

Sehubungan itu, garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada semua pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah JKKP Malaysia sama ada sebagai Penaksir Risiko Kimia, Penaksir Kualiti Udara Dalaman, Penguji Gas Bertauliah/Penyelia Kemasukan, Teknologis Higien 1, Teknologis Higien 2, Penaksir Risiko Bising, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Penyelia Keselamatan Tapak Bina, Pengendali Perancah, Operator Kren, Orang Kompeten Mesin Angkat, Orang Kompeten Lif, Doktor Kesihatan Pekerjaan, Orang Kompeten *Non Major Hazard* atau Orang Kompeten Major Hazard.

Selain itu, garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan prosedur pendaftaran, tanggungjawab, syarat pembatalan/penggantungan kompetensi, sistem ujian dan peperiksaan, kaedah penilaian yang selaras dan seragam bagi setiap kompetensi yang dikendalikan oleh Jabatan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat atas usaha menerbitkan garis panduan ini. Dengan ini, saya berharap agar garis panduan ini dapat menjadi panduan yang komprehensif dan memberikan manfaat; khususnya kepada Jabatan, pemegang kompetensi dan pusat pengajar, serta pembaca amnya.

Sekian, terima kasih.

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kementerian Sumber Manusia
Malaysia

PENGHARGAAN

Jabatan ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada individu berikut atas sumbangan idea dan tenaga dalam menyediakan garis panduan ini:

NO.	AHLI JAWATANKUASA	BAHAGIAN/NEGERI
1.	Ir. Haji Saiful Azhar bin Said	Pengerusi
2.	Ir. Zailee bin Dollah	Timb. Pengerusi
3.	Ir. Haji Kormain bin Mohd Noor	TKP (Keselamatan) Pekerjaan
4.	En. Zabidi bin Dato' Md Adib	TKP (Kesihatan) Pekerjaan
5.	Ir. Ibrahim bin Md Dol	JKKP Selangor
6.	En. Husdin bin Che Amat	JKKP WP KL
7.	Dr. Majahar bin Abd Rahman	BDAPP
8.	Dr. Ahmad Fitri bin Abdullah Hair	BKPj
9.	Ir. Noor Azman bin Soud	PSD
10.	En. Ahmad Nazri bin Ab Kadir	BHIE
11.	Pn. Mardiana binti Abdul Latif	PSD
12.	Pn. Elaini binti Wahab	BHIE
13.	Pn. Rusnah binti Nanyan	BPK
14.	Dr. Rajinderjit Singh Hullon	BKPj
15.	Dr. Muhd Zafran bin Shamsudin	BKPj
15.	En. Mohd Azam bin Tumijan@Tomichan	BPK
16.	En. Mohd Nizam bin Abd Hamid	PSD
17.	En. Wan Hilemi bin Wan Hussein	BKI
18.	En. Mohd Sabri bin Salleh	BHIE
19.	En. Iskandar Zulkarnain bin Rahmat	BDAPP

SINGKATAN

MQA	<i>Malaysia Qualification Agency</i> Agensi Kelayakan Malaysia
KKP	keselamatan dan kesihatan pekerjaan
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
AKKP 1994	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
HT1	<i>Hygiene Technologist 1</i> Teknologis Higien 1
CEP	<i>Continuous Education Programme</i> Program Pendidikan Berterusan
SHO	<i>Safety and Health Officer</i> Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
SSS	<i>Site Safety Supervisor</i> Penyelia Keselamatan Tapak Bina
AGT	<i>Authorized Gas Tester</i> Penguji Gas Bertauliah
ES	<i>Entry Supervisor</i> Penyelia Kemasukan
NRA	<i>Noise Risk Assessor</i> Penaksir Risiko Bising
HT2	<i>Hygiene Technologist 2</i> Teknologis Higien 2
BKI	Bahagian Keselamatan Industri
BHIE	Bahagian Higien Industri dan Ergonomik
BPK	Bahagian Pengurusan Kimia
PSD	<i>Petroleum Safety Division</i> Bahagian Keselamatan Petroleum
BKPj	Bahagian Kesihatan Pekerjaan
BPK	Bahagian Pengurusan Kimia
CHRA	<i>Chemical Health Risk Assessment</i> Penaksiran Risiko Kimia Kepada Kesihatan
MVAC	<i>mechanical ventilation and air conditioning</i> pengalihudaraan mekanikal dan penyaman udara
OKNMH	Orang Kompeten <i>Non Major Hazard</i>

OKMH	Orang Kompeten Major Hazard
OHD	<i>Occupational Health Doctor</i> Doktor Kesihatan Pekerja
CRA	<i>Chemical Risk Assessor</i> Penaksir Risiko Kimia
IAQ	<i>Indoor Air Quality</i> Kualiti Udara Dalam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia

DRAFT

ISI KANDUNGAN

Kata Alu-aluan	i
Penghargaan	iii
Singkatan	iv

Bil	Perkara	Halaman
1.0	PENGENALAN	1
2.0	TUJUAN	3
3.0	DEFINISI	4
4.0	KOMPETENSI	7
4.1	Penaksir Risiko Kimia	7
4.2	Teknologis Higien 1	14
4.3	Penaksir Kualiti Udara Dalam	20
4.4	Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasan	27
4.5	Teknologis Higien 2	33
4.6	Penaksir Risiko Bising	39
4.7	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan	45
4.8	Penyelia Keselamatan Tapak Bina	51
4.9	Pengendali Perancah	54
4.10	Operator Kren	57
4.11	Jurutera Stim	62
4.12	Drebar Enjin Stim	67
4.13	Orang Kompeten Lif	72
4.14	Orang Kompeten Mesin Angkat	79
4.15	Doktor Kesihatan Pekerjaan	84
4.16	Orang Kompeten <i>Non Major Hazard</i>	90
4.17	Orang Kompeten <i>Major Hazard</i>	93
5.0	TEMPOH SAH SIJIL KOMPETENSI	100
6.0	PEMBATALAN KOMPETENSI	100
7.0	KOMPETENSI TIDAK DIPERBAHARUI	100

8.0		PUSAT PENGAJAR& TENAGA PENGAJAR	101
	8.1	Pendaftaran pusat pengajar	101
		8.1.1 Syarat am pendaftaran sebagai pusat pengajar	101
		8.1.2 Syarat am pembaharuan pendaftaran sebagai pusat pengajar	103
		8.1.3 Cawangan pusat pengajar	104
		8.1.4 Pengendalian kursus di lokasi selain daripada premis pusat pengajar yang telah diluluskan	105
		8.1.5 Tempoh sah pendaftaran sebagai pusat pengajar	105
		8.1.6 Pembatalan pendaftaran sebagai pusat pengajar	106
		8.1.7 Yuran proses pendaftaran dan pembaharuan pusat pengajar	106
	8.2	Pendaftaran Tenaga pengajar	106
		8.2.1 Syarat am pendaftaran sebagai tenaga pengajar	106
		8.2.2 Syarat am pembaharuan pendaftaran sebagai tenaga pengajar	107
		8.2.3 Pembatalan pengiktirafan sebagai tenaga pengajar	108
		8.2.4 Yuran proses pendaftaran dan pembaharuan tenaga pengajar	108
	8.3	Modul latihan kompetensi	108
	8.4	Kursus ulangkaji	109
	8.5	Panel kompetensi	109
		8.5.1 Pelantikan jawatankuasa panel kompetensi	109
		8.5.2 Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa panel kompetensi	110
		8.5.3 Kod etika	111
		8.5.4 Terma pelantikan	111
		8.5.5 Keckerapan mesyuarat	111
	8.6	Jawatankuasa teknikal kompetensi	111
		8.6.1 Pelantikan jawatankuasa teknikal kompetensi	111
		8.6.2 Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa teknikal kompetensi	112
		8.6.3 Kod etika	113
		8.6.4 Terma pelantikan	113

		8.6.5 Kekekapan mesyuarat	113
	8.7	Peperiksaan kompetensi	113
		8.7.1 Pengendalian peperiksaan	113
		8.7.2 Penilaian peperiksaan	114
9.0		LAMPIRAN	115
		Lampiran PP-1	116
		Lampiran TP	120
		Lampiran PP-2	122

DRAFT

1.0 PENGENALAN

Orang Kompeten adalah merupakan sebahagian daripada kumpulan pelaksana polisi dan *business plan* yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dalam melaksanakan matlamat bagi mencapai sasaran negara ke arah kemalangan sifar dalam sektor pekerjaan.

Terdapat 5 bahagian di JKKP Ibu Pejabat yang terlibat secara langsung dalam pendaftaran dan pembaharuan Orang Kompeten iaitu; Bahagian Keselamatan Industri (BKI), Bahagian Higien Industri dan Ergonomik (BHIE), Bahagian Pengurusan Kimia (BPK), Bahagian Keselamatan Petroleum (PSD) dan Bahagian Kesihatan Pekerjaan (BKPj).

BAHAGIAN	KOMPETENSI
Bahagian Keselamatan Industri	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan <i>Safety and Health Officer</i>
	Orang Kompeten Lif <i>Lift Competent Person</i>
	Orang Kompeten Mesin Angkat
	Jurutera Stim <i>Steam Engineer</i>
	Drebar Enjin Stim <i>Steam Engine Driver</i>
Bahagian Keselamatan Tapak Bina	Penyelia Keselamatan Tapak Bina <i>Site Safety Supervisor</i>
	Operator Kren <i>Crane Operator</i>
	Pengendali Perancah <i>Scaffolder</i>
Bahagian Pengurusan Kimia	Penaksir Risiko Kimia <i>Chemical Risk Assessor</i>
	Penaksir Kualiti Udara Dalamann <i>Indoor Air Quality Assessor</i>
	Teknologis Higien 1 <i>Hygiene Technologist 1</i>
BAHAGIAN	KOMPETENSI

Bahagian Keselamatan Petroleum	Orang Kompeten Non Major Hazard <i>Non Major Hazard Competent Person</i>
	Orang Kompeten Major Hazard <i>Major Hazard Competent Person</i>
Bahagian Kesihatan Pekerjaan	Doktor Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Doctor</i>
Bahagian Higien Industri dan Ergonomik	Penguji Gas Bertauliah/Penyelia Kemasukan <i>Authorized Gas Tester/Entry Supervisor</i>
	Penaksir Risiko Bising <i>Noise Risk Assessor</i>
	Teknologis Higien 2 <i>Hygiene Technologist 2</i>

Garis Panduan ini digubal adalah bertujuan bagi memastikan keseragaman proses pendaftaran dan pembaharuan Orang Kompeten dan Pusat Pengajar agar pelaksanaannya lebih sistematik.

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan prosedur pendaftaran dan pembaharuan Orang Kompeten dan juga Pusat Pengajar. Selain itu, garis panduan ini juga adalah untuk:

- Memberi penjelasan tentang tugas dan tanggungjawab orang kompeten
- Memberi penjelasan tentang tugas dan tanggungjawab pusat pengajar
- Menyeragamkan prosedur atau syarat bagi pendaftaran, pembaharuan dan pembatalan kompetensi
- Mewujudkan sistem peperiksaan dan kaedah penilaian setiap kompetensi yang seragam

DRAFT

3.0 DEFINISI

“Penaksir Risiko Kimia” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan penilaian risiko kepada kesihatan yang berpunca daripada penggunaan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja;

“Teknologis Higien 1” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan pemantauan pendedahan kimia di tempat kerja;

“Teknologis Higien 2” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan atau ujian ke atas kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dipasang di tempat kerja;

“Doktor Kesihatan Pekerjaan” bermaksud pengamal perubatan yang merupakan orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan pengawasan perubatan pekerja;

“Pengendali Perancah” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk memasang, merombak dan menyenggara perancah;

“Penyelia Keselamatan Tapak Bina” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menyelia keselamatan di tapak bina;

“penguji gas bertauliah” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan ujian atmosfera di dalam ruang terkurung,

“penyelia kemasukan” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menyelia kemasukan ruang terkurung;

“penaksir kualiti udara dalaman” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk melaksanakan penaksiran kualiti udara dalaman;

“Penaksir Risiko Bising” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikandan memenuhi kehendak minimum yang ditentukan oleh,dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjalankan penaksiran risiko bising;

“Pegawai Keselamatan dan Kesihatan” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan, dan memenuhi kehendak minimum yang ditentukan oleh, dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menjamin pematuhan wajar di tempat kerja dan penggalakan perjalanan kerja selamat di tempat kerja;

“operator kren” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mengendalikan kren dengan tatakerja yang selamat dan cekap;

“Orang Kompeten *Non Major Hazard*” bermaksud seseorang pekerja atau mana-mana orang lain orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menyediakan perundingan bagi mengawal kemalangan bahaya bukan besar kepada pengilang yang menyimpan, mengendali dan memproses bahan berbahaya yang melebihi daripada kuantiti ambang yang dibenarkan;

“Orang Kompeten *Major Hazard*” bermaksud orang kompeten yang dilantik oleh majikan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk menyediakan perundingan bagi mengawal kemalangan bahaya besar kepada pengilang yang menyimpan, mengendali dan memproses bahan berbahaya yang melebihi daripada kuantiti ambang yang dibenarkan;

“pusat pengajar” bermaksud syarikat atau organisasi yang bertanggungjawab mengendalikan latihan dan kursus kompetensi yang diiktiraf dan berdaftar dengan Ketua Pengarah;

“tenaga pengajar” bermaksud mana-mana orang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mengajar kursus kompetensi di pusat pengajar yang diiktiraf yang diambil bekerja secara tetap atau secara kontrak;

“penilai” bermaksud seseorang yang dibenarkan untuk menilai pelajar kursus dari segi teori dan amali di pusat pengajar yang diiktiraf;

“Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik di bawah subseksyen 5(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;

“orang kompeten” ertinya mana-mana orang yang diluluskan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah dan diberikan sijil kompetensi di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;

DRAFT

4.0 KOMPETENSI

4.1 PENAKSIR RISIKO KIMIA

4.1.1 AM

Penaksir Risiko Kimia merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan penaksiran risiko kepada kesihatan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Penaksir Risiko Kimia bagi menjalankan penaksiran risiko kepada kesihatan di tempat kerja menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.1.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Penaksir Risiko Kimia hendaklah:

- a. Menjalankan penaksiran risiko kepada kesihatan daripada penggunaan bahan kimia berbahaya kepada di tempat kerja;
- b. Mencadangkan langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan oleh pihak majikan bagi mengawal pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan;
- c. Menyediakan laporan lengkap penaksiran, membentangkan hasil penaksiran dan mengemukakan laporan lengkap penaksiran kepada majikan dalam tempoh 30 hari dari penyiapan penaksiran tersebut;
- d. Menghantar laporan ringkas kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran; dan
- e. Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000.

4.1.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Syarat Am

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Penaksir Risiko Kimia hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP);
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD); dan
- e. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus Penaksir Risiko Kimiadan lulus peperiksaan.

Syarat Khusus

- a.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA; **DAN**
 - ii. Hadir kursus dan lulus peperiksaan CHRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- b.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA dan JKPP; **DAN**
 - ii. Lulus peperiksaan CHRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- c.
 - i. Diiktiraf sebagai *Certified Industrial Hygienist* (CIH) oleh *American Board Industrial Hygiene* (ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh JKPP; **DAN**

- iii. Lulus peperiksaan Kertas 2 CHRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

4.1.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN CHRA-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.1.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai pengapit atau Penaksir Risiko Kimia dengan melaksanakan minimum 1 penaksiran lengkap setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata *Continuous Education Program* (CEP) yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Wajib hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- d. Menghantar 1 laporan terkini dalam tempoh 12 bulan sebelum tamat tempoh sijil kompetensi;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Penaksir Risiko Kimia hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Penaksir Risiko Kimia akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus CHRA dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN CHRA-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.1.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
PENAKSIR RISIKO KIMIA**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon yang ingin mendaftar sebagai **Penaksir Risiko Kimia**:-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan di atas talian seperti nama penuh, gambar (berukuran passport) dan no kad pengenalan.
2. Imbasan asal kad pengenalan.
3. Imbasan asal surat pengesahan daripada majikan mengenai pengalaman kerja minimum satu (1) tahun (termasuk deskripsi tugas secara terperinci) dalam bidang **keselamatan dan kesihatan pekerjaan**.
3. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
4. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - i. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
 - ii. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - iii. Wang pos/kiriman wang/deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

Pilihan (I) Minimum Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

1. Imbasan asal sijil akademik.
2. Imbasan asal sijil kehadiran kursus CHRA dari pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan CHRA (yang diambil di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah)

ATAU

Pilihan (II) Minimum Diploma Higien Industri

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Higien Industri.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan CHRA (yang diambil di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah)

ATAU

Pilihan (III) Diiktiraf sebagai *Certified Industrial Hygienist* (CIH) oleh *American Board Industrial Hygiene* (ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh JKKP

1. Imbasan asal sijil *Certified Industrial Hygienist* (CIH).
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan CHRA (yang diambil di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atastalian



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
PENAKSIR RISIKO KIMIA**

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan di atas talian.
2. Imbasan asal sijil mengikuti Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) CHRA (yang diambil di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah).
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) CHRA (yang diambil di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah).
4. Imbasan asal sijil-sijil kehadiran kursus secara berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam masa tiga (3) tahun terakhir.
5. Imbasan asal laporan lengkap CHRA yang dijalankan dalam tempoh dua belas (12) bulan terakhir.
6. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD
7. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.2 TEKNOLOGIS HIGIEN 1

4.2.1 AM

Teknologis Higien 1 merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan pemantauan pendedahan kimia di tempat kerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Teknologis Higien 1 bagi menjalankan pemantauan pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja menurut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

4.2.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Teknologis Higien 1 hendaklah:

- a. Menjalankan pemantauan pendedahan bahan kimia di udara di tempat kerja yang menggunakan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan;
- b. Menyiapkan laporan dan membentangkan hasil pemantauan pendedahan serta cadangan kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamat proses pemantauan;
- c. Menghantar laporan ringkas kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas tamat proses pemantauan; dan
- d. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000.

4.2.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Syarat Am

Pemohon yang ingin berdaftardengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Teknologis Higien 1, hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang KKP;
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;

- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus HT1 dan lulus peperiksaan.

Syarat khusus

- a.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); **DAN**
 - ii. Hadir kursus dan lulus peperiksaan HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- b.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan JKPP; **DAN**
 - iii. Hadir kursus dan lulus peperiksaan HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- c.
 - i. Diiktiraf sebagai *Certified Industrial Hygienist* (CIH) oleh *American Board Industrial Hygiene* (ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh JKPP; **DAN**
 - iii. Lulus peperiksaan Kertas 2 HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

4.2.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN HT1-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.2.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai HT1 dengan melaksanakan minimum 1 penaksiran lengkap setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Wajib hadir dan lulus Kursus Ulangkaji;
- d. Menghantar 1 laporan terkini dalam tempoh 12 bulan sebelum tamat tempoh sijil kompetensi;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi HT1 akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus HT1 dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN HT1-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.2.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
TEKNOLOGIS HIGIEN 1**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pendaftaran Teknologis Higen 1:-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan atas talian seperti nama, no.kad pengenalan dan gambar berukuran passport
2. Imbasan asal kad pengenalan
3. Imbasan asal surat pengesahan dari majikan mengenai pengalaman kerja minimum satu (1) tahun di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP)(termasuk deskripsi tugas secara terperinci).
4. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD
5. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank(lampirkan imbasan asal resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

Pilihan (a)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (b)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (c)

1. Imbasan asal sijil pengiktirafan sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board of Industrial Hygiene*(ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
TEKNOLOGIS HIGIEN 1**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pembaharuan Teknologis Higien 1:-

Dokumen wajib

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan atas talian. | <input type="checkbox"/> |
| 2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus Ulangkaji (<i>Refresher Course</i>) HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah. | <input type="checkbox"/> |
| 3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kursus Ulangkaji (<i>Refresher Course</i>) HT1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah. | <input type="checkbox"/> |
| 4. Imbasan asal sijil-sijil kehadiran kursus secara berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam masa tiga (3) tahun terakhir yang disahkan. | <input type="checkbox"/> |
| 5. Satu (1) imbasan asal Laporan Pemantauan Pendedahan Kimia yang dijalankan dalam masa dua belas (12) bulan terakhir. | <input type="checkbox"/> |
| 6. Laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD. | <input type="checkbox"/> |
| 7. Yuran pemprosesan sebanyak RM 100.00 dalam bentuk: | <input type="checkbox"/> |
| a. E-Payment – <i>Internet online</i> RHB bank (lampirkan imbasan asal resit pembayaran) | |
| b. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat | |
| c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA | |

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.3 PENAKSIR KUALITI UDARA DALAMAN

4.3.1 AM

Penaksir Kualiti Udara Dalaman (Penaksir IAQ) merupakan orang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan penaksiran kualiti udara dalaman. Penaksiran kualiti udara dalaman ini meliputi kepada semua bangunan yang tertutup, yang dilengkapi dengan sistem pengalihudaraan mekanikal dan penyaman udara (MVAC) termasuk unit pendingin udara pisah seperti yang telah dinyatakan dalam Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010.

Ini merupakan satu daripada kewajipan am seperti yang dinyatakan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] bagi majikan dan penghuni bangunan (termasuk pemilik bangunan dan pengurusan bangunan) untuk menyediakan tempat kerja yang selamat kepada pekerja mereka atau orang lain selain pekerja mereka (penduduk).

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Penaksir Kualiti Udara Dalaman bagi menjalankan penaksiran kualiti udara dalaman di tempat kerja. Penaksir perlu menjalankan penaksiran dengan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.3.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Penaksir IAQ hendaklah:

- a. Menjalankan penaksiran kualiti udara dalaman di tempat kerja;
- b. Menyiapkan laporan lengkap penaksiran, membentangkan hasil penaksiran dan cadangan kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran;
- c. Menghantar laporan ringkas kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran; dan
- d. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010.

4.3.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Syarat Am

Pemohon yang ingin berdaftardengan Ketua Pengarah sebagai **orang kompeten yang dipanggil** Penaksir Kualiti Udara Dalam, hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang KKP;
- c. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan di bawahnya.
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus Kualiti Udara Dalam (IAQ) dan lulus peperiksaan.

Syarat khusus

- a.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
 - ii. mempunyai 1 tahun pengalaman dalam higien pekerjaan; dan
 - iii. telah menghadiri latihan dan lulus peperiksaan kursus Penaksir Kualiti Udara Dalam yang dikendalikan oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- b. **Pengapit atau** Penaksir Risiko Kimia berdaftar di bawah peraturan USECHH 2000 yang telah menghadiri latihan dan lulus peperiksaan kursus IAQ yang dijalankan oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- c. Teknologis Higien 1 di bawah peraturan USECHH 2000 yang telah menghadiri latihan dan lulus peperiksaan kursus IAQ yang dijalankan oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- d. mana-mana orang lain dengan kekompetenan IAQ setara seperti yang diiktiraf oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan Ketua Pengarah.

4.3.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN IAQ-

1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.3.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Penaksir Kualiti Udara Dalamandengan melaksanakan minimum 1 penaksiran lengkap setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan oleh Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji;
- d. Menghantar 1 laporan terkini dalam tempoh 12 bulan sebelum tamat tempoh sijil kompetensi;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Penaksir IAQ akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus Penaksir IAQ dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN IAQ-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.3.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
PENAKSIR KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pendaftaran Penaksir Kualiti Udara Dalamam :-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan atas talian seperti nama, no.kad pengenalan dan gambar berukuran passport
2. Imbasan asal kad pengenalan
3. Imbasan asal surat pengesahan dari majikan mengenai pengalaman kerja minimum satu (1) tahun di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP)(termasuk deskripsi tugas secara terperinci).
4. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
5. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank(lampirkan imbasan asal resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

Pilihan (a)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus Kualiti Udara Dalam (IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kualiti Udara Dalam(IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (b)

1. Imbasan asal sijil kompetensi Penaksir Risiko Kimia .
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus Kualiti Udara Dalam(IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kualiti Udara Dalam(IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (c)

1. Imbasan asal sijil kompetensi HT1 .
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus Kualiti Udara Dalam (IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kualiti Udara Dalam(IAQ) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (c)

1. Imbasan asal sijil pengiktirafan sebagai Kualiti Udara Dalam(IAQ) yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*



**BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
PENAKSIR KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pendaftaran Penaksir Kualiti Udara Dalaman :-

Dokumen wajib

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan atas talian.
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) IAQ di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kursus Ulangkaji IAQ di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
4. Imbasan asal sijil-sijil kehadiran kursus secara berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam masa tiga (3) tahun terakhir yang disahkan.
5. Satu (1) imbasan asal Laporan Penaksiran Kualiti Udara Dalaman yang dijalankan dalam masa dua belas (12) bulan terakhir.
6. Laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
7. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan imbasan asal resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.4 PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN

4.4.1 AM

Penguji gas bertauliah (AGT) merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menjalankan ujian atmosfera di dalam ruang terkurung.

Penyelia kemasukan (ES) merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyelia semua aktiviti sebelum, semasa dan selepas operasi kemasukan pekerja ke dalam ruang terkurung.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil AGTES bagi menjalankan pengujian gas dan menyelia proses kemasukan ke dalam ruang terkurung seperti yang telah ditetapkan dalam Tataamalan Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung 2010.

4.4.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

AGT hendaklah:

- a. Mempunyai pengetahuan terkini tentang hazard yang mungkin dihadapi semasa kemasukan, termasuk maklumat tentang cara, tanda dan simptom dan akibat tentang pendedahan;
- b. Mengenalpasti semua hazard dan mengesyorkan langkah kawalan bagi memastikan kemasukan yang selamat;
- c. Mahir tentang semua kelengkapan kemasukan ruang terkurung;
- d. Menguji dan mentafsir paras bacaan gas di dalam ruang terkurung;
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Tataamalan Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung 2010.

ES pula hendaklah:

- a. Mempunyai pengetahuan terkini tentang hazard yang mungkin dihadapi semasa kemasukan dalam ruang terkurung;
- b. Menyelia semua aktiviti sebelum, semasa dan selepas operasi kemasukan dalam ruang terkurung;
- c. Menjalankan pemeriksaan dan mengesahkan semua prosedur, ujian dan kelengkapan yang ditetapkan dalam permit bekerja telah dipatuhi sebelum permit bekerja diluluskan;

- d. Menghentikan kemasukan dan membatalkan permit bekerja tersebut jika keadaan kemasukan boleh terima tidak dapat dikekalkan;
- e. Menutup permit bekerja selepas kemasukan selesai; dan
- f. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Tataamalan Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung 2010.

4.4.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil AGTES hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam apa-apa bidang yang diiktiraf oleh MQA;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan Orang yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga (AESP) di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang ruang terkurung;
- e. Disahkan sihat oleh OHD;
- f. Tidak pernah disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; dan
- g. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus AGTES dan lulus peperiksaan.

4.4.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN AGTES-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.4.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai AGTES dengan melaksanakan minimum 4 kali tugas sebagai AGT atau ES setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan oleh Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji AGTES;

- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi AGTES akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus AGTES dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN AGTES-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.4.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN (AGTES)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon yang ingin mendaftar sebagai **AGTES**:-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan di atas talian seperti nama penuh, gambar (saiz passport) dan no kad pengenalan.
2. Imbasan asal kad pengenalan.
3. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
4. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - i. E-Payment – *Internet online* RHB bank(lampirkan salinan resit pembayaran)
 - ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

1. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan AGT-ES
2. Imbasan asal sijil Diploma yang diiktiraf oleh MQA.
3. Imbasan asal transkrip peperiksaan.
4. Imbasan asal surat pengesahan dari majikan mengenai pengalaman kerja di dalam bidang ruang terkurung (termasuk deskripsi tugas secara terperinci).
- Minimum 1 tahun pengalaman kerja dalam ruang terkurung.
5. Imbasan asal kontrak di antara syarikat (majikan pemohon) dengan pemilik lokasi/premis ruang terkurung (jika berkaitan).
6. Imbasan asal profil syarikat.

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN (AGTES)**

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan di atas talian.
2. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
3. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - i. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
 - ii. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

1. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) AGTES.
2. Imbasan asal surat akuan atau pengesahan majikan tempat pemohon bekerja.
3. Imbasan asal kontrak di antara syarikat (majikan pemohon) dengan pemilik lokasi/premis ruang terkurung.

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.5 TEKNOLOGIS HIGIEN 2

4.5.1 AM

Teknologis Higien 2 (HT2) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan ujian keberkesanan kelengkapan kawalan kejuruteraan di tempat kerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil HT2 bagi melaksanakan pemeriksaan dan ujian keberkesanan kelengkapan kawalan kejuruteraan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

4.5.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Teknologis Higien 2 hendaklah:

- a. Menjalankan pemeriksaandan pengujian keberkesanan kelengkapan kawalan kejuruteraan di tempat kerja;
- b. Menyiapkan dan menghantarlaporan lengkappemeriksaandan pengujian keberkesanan kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamatpemeriksaan dan pengujian;
- c. Membentangkan hasil pemeriksaan dan pengujian keberkesanan kelengkapan kawalan kejuruteraan dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamatpemeriksaandan pengujian;
- d. Menghantar laporan ringkas kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas tamat pemeriksaandan pengujian; dan
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000.

4.5.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftardengan Ketua Pengarah sebagaiorang kompeten yang dipanggil Teknologis Higien 2 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

Syarat am

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang kawalan kejuruteraan kimia;
- c. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir dan lulus kursus HT2.

Syarat khusus

- a.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA; **dan**
 - ii. Hadir kursus dan lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- b.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA; **dan**
 - ii. lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- c.
 - i. Diiktiraf sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board Industrial Hygiene* (ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh JKPP; **DAN**
 - ii. lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

4.5.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di **LAMPIRAN HT2-1**. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.5.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai HT2 dengan melaksanakan minimum 1 pemeriksaan dan pengujian setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan oleh Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) HT2;
- d. Menghantar 1 laporan terkini (dalam tempoh 12 bulan sebelum tamat tempoh sijil kompetensi)
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi HT2 akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus HT2 dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN HT2-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.5.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemrosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
TEKNOLOGIS HIGIEN 2 (HT2)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pendaftaran HT2:-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan atas talian seperti nama, no.kad pengenalan dan gambar berukuran passport
2. Imbasan asal kad pengenalan
3. Imbasan asal surat pengesahan dari majikan mengenai pengalaman kerja minimum satu (1) tahun di dalam bidang kawalan kejuruteraan kimia (termasuk deskripsi tugas secara terperinci)
4. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD
5. Yuran pemrosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank(lampirkan imbasan asal resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

Pilihan (a)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA.
2. Imbasan asal sijil kehadiran Kursus HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (b)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

Pilihan (c)

1. Imbasan asal sijil pengiktirafan sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board of Industrial Hygiene*(ABIH) atau badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
TEKNOLOGIS HIGIEN 2 (HT2)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk pembaharuan HT2:-

Dokumen wajib

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan atas talian.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan KursusUlangkaji (*Refresher Course*) HT2 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil-sijil kehadiran kursus secara berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam masa tiga (3) tahun terakhir yang disahkan.
4. Satu (1) imbasan asal Laporan Pemeriksaan Dan Pengujian Ke Atas Kelengkapan Kawalan Kejuruteraan yang dijalankan dalam masa dua belas (12) bulan terakhir.
5. Laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
6. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan imbasan asal resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*

4.6 PENAKSIR RISIKO BISING

4.6.1 AM

Penaksir Risiko Bising (NRA) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan penaksiran pendedahan bising di tempat kerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 201x.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil NRA bagi melaksanakan penaksiran bising menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.6.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

NRA hendaklah:

- a. Menjalankan penaksiran pendedahan bising di tempat kerja;
- b. Menyiapkan dan menghantar laporan lengkap penaksiran kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran;
- c. Membentangkan hasil penaksiran dan mencadangkan langkah-langkah kawalan ke atas risiko pendedahan bising kepada majikan dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran;
- d. Menghantar laporan ringkas kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas tamat penaksiran; dan
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 201x dan Tataamalan Industri (ICOP) bagi Pengurusan Pendedahan Bising dan Pemuliharaan Pendengaran Pekerjaan 201x.

4.6.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil NRA hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

Syarat am

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang pemantauan atau penaksiran bising;

- c. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- d. Disahkan sihat oleh OHD; **dan**
- e. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir dan lulus kursus NRA.

Syarat khusus

- a.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA; **dan**
 - ii. Hadir kursus dan lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

ATAU

- b.
 - i. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA; **dan**
 - ii. Lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

ATAU

- c.
 - i. Diiktiraf sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board Industrial Hygiene (ABIH)* atau badan yang diiktiraf oleh JKPP; **dan**
 - ii. Lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

4.6.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN NRA-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.6.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai NRA dengan melaksanakan minimum 1 penaksiran setahun;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan oleh Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) NRA;
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, NRA hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi NRA akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus NRA dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN NRA-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.6.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
PENAKSIR RISIKO BISING (NRA)**

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon yang ingin mendaftar sebagai NRA di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 201x:-

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan di atas talian seperti nama penuh ,gambar (berukuran passport) dan no kad pengenalan.
2. Imbasan asal kad pengenalan.
3. Imbasan asal surat pengesahan dari majikan mengenai pengalaman kerja minimum satu (1) tahun(termasuk deskripsi tugas secara terperinci) di dalam bidang **Pemantauan atau Penaksiran Bising**.
4. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
5. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - i. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
 - ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Dokumen wajib (Khusus)

Pilihan (a)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA.
2. Imbasan asal sijil kehadiran kursus NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah
3. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah

ATAU

Pilihan (b)

1. Imbasan asal sijil akademik Diploma Higien Industri yang diiktiraf oleh MQA.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah

ATAU

Pilihan (c)

1. Imbasan asal sijil pengiktirafan sebagai *Industrial Hygienist* oleh *American Board of Industrial Hygiene (ABIH)* atau badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN HIGIEN INDUSTRI & ERGONOMIK
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
PENAKSIR RISIKO BISING (NRA)**

Dokumen wajib (Umum)

1. Mengemukakan butiran lengkap dalam borang permohonan pembaharuan di atas talian.
2. Imbasan asal sijil lulus peperiksaan Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*) NRA di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.
3. Imbasan asal sijil-sijil kehadiran kursus secara berterusan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam masa tiga (3) tahun terakhir.
4. Imbasan asal laporan lengkap penaksiran yang dijalankan dalam tempoh dua belas (12) bulan terakhir.
5. Imbasan asal laporan pemeriksaan kesihatan oleh OHD.
6. Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - a. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
 - b. Wang tunai - hanya di JKKP Ibu pejabat
 - c. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKKP MALAYSIA

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.7 PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

4.7.1 AM

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) merupakan orang yang bertanggungjawab yang dilantik oleh majikan bagi mengurus dan mentadbir hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.7.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hendaklah:

- a. Menasihati majikan;
- b. Memeriksa tempat kerja;
- c. Menyiasat kemalangan;
- d. Melaksanakan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- e. Menjadi setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan;
- f. Menganalisis data kemalangan;
- g. Membantu pegawai JKKP;
- h. Menyediakan laporan aktiviti berkaitan KKP kepada majikan; dan
- i. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

4.7.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

Syarat am

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Disahkan sihat oleh OHD;
- c. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Syarat khusus

- a. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus SHO yang ditetapkan dan lulus peperiksaan.
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya diploma dalam apa-apa bidang yang diiktiraf oleh MQA
- c. Mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang KKP;

ATAU

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang KKP yang diiktiraf oleh Jabatan;
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman dalam bidang KKP;

ATAU

- a. Mempunyai 10 tahun pengalaman dalam bidang KKP.

4.7.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN SHO-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.7.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan tugas-tugas sebagai SHO;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata *Continuous Education Program* (CEP) yang diluluskan oleh Jabatan bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi SHO akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus SHO dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN SHO-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.7.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN
PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

- Maklumat asas yang wajib diisi dalam borang atas talian seperti nama penuh, gambar dan nombor kad pengenalan
- Kad pengenalan (depan dan belakang) bagi rakyat Malaysia
- Kelayakan akademik atau profesional dari peringkat rendah serta peringkat tinggi
- Sijil hadir kursus (di organisasi yang diiktiraf oleh JKPP) dan sijil lulus peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dikendalikan oleh Pusat Pengajar yang diiktiraf Jabatan

ATAU

- Diploma/Sarjana dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dari Universiti/Institusi yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

ATAU

- Surat
- Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- Borang pemeriksaan kesihatan yang telah diisi lengkap oleh doktor kesihatan pekerjaan yang bertauliah
- Surat lantikan kontrak/tawaran kerja sebagai personel keselamatan dan kesihatan pekerjaan (sepanjang tempoh penglibatan).
- Senarai tugas lengkap dan diakui oleh majikan terkini dan terdahulu

- Bukti bukti menjalankan tugas sebagai personel keselamatan dan kesihatan pekerjaan (seperti minit mesyuarat Jawatankuasa KKP, laporan bulanan, HIRARC, laporan audit tempat dan lain-lain kerja KKP (bagi sepanjang tempoh penglibatan)
- Salinan sijil-sijil lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan/lain-lain dokumen yang diperlukan bagi permohonan
- Yuran pemprosesan sebanyak **RM 100.00** dalam bentuk:
 - i. E-Payment – *Internet online* RHB bank(lampirkan salinan resit pembayaran)
 - ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
 - iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN
PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

- Maklumat asas yang wajib diisi dalam borang atas talian seperti nama penuh, gambar dan nombor kad pengenalan
- Kad pengenalan (depan dan belakang) bagi rakyat Malaysia

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian.*

4.8 PENYELIA KESELAMATAN TAPAK BINA

4.8.1 AM

Penyelia Keselamatan di Tapak Binamerupakan orang yang bertanggungjawab dalam memastikan pengawasan keselamatan dan menggalakkan tatakkerja yang selamat di tapak bina sebagaimana yang dikehendaki di bawah AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditapak bina merupakan satu aspek yang perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Ini kerana aktiviti pembinaan yang dijalankan ditapak bina boleh mewujudkan risiko berlakunya kejadian berbahaya, kemalangan, kecederaan, dan kematian bukan sahaja kepada pekerja, malahan orang awam yang berada di sekitar tapak bina tersebut.

Bagi mencapai maksud dan hasrat peraturan yang dinyatakan di atas, seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Penyelia Keselamatan di Tapak Bina untuk menjalankan tugas-tugasnya menurut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

4.8.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Penyelia Keselamatan di Tapak Bina hendaklah:

- a. Membuat pemeriksaan dan memperbaiki keadaan tidak selamat di tapak bina;
- b. Membetulkan amalan tidak selamat;
- c. Memeriksa kerja-kerja kontraktor;
- d. Berhubung dengan penyelia kontraktor; dan
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.8.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Penyelia Keselamatan di Tapak Binahendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1/2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan SSS di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Mempunyai 1 tahun pengalaman dalam bidang KKP;
- e. Disahkan sihat oleh OHD;
- f. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; dan
- g. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus SSS dan lulus peperiksaan.

4.8.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.8.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan tugas-tugas sebagai SSS;
- b. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- c. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi SSS akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan

lulus kursus SSS dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.8.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM50 bagi setiap permohonan.

DRAFT

4.9 PENGENDALI PERANCAH

4.9.1 AM

Pengendali Perancah adalah merupakan orang yang bertanggungjawab memasang, merombak dan menyenggara perancah. Peraturan-peraturan (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 menetapkan bahawa semua kerja-kerja memasang, merombak atau mengubahsuai perancah hendaklah dilakukan di bawah penyeliaan '*designated person*' iaitu orang kompeten bagi menyelia atau memeriksa kerja-kerja tersebut.

Bagi mencapai maksud dan hasrat peraturan yang dinyatakan di atas, seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil pengendali perancah untuk menjalankan tugas-tugasnya menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.9.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab pengendali perancah adalah memasang, memeriksa, menyelia pemasangan dan merombak perancah.

4.9.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Pengendali Perancah Peringkat Asas, Peringkat Pertengahan dan Peringkat Tertinggi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

4.9.3.1 Pengendali Perancah Peringkat Asas

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM Tahap 1/2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan pengendali perancah peringkat asas di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir dan lulus kursus pengendali perancah peringkat asas yang ditetapkan;
- g. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.9.3.2 Pengendali Perancah Peringkat Pertengahan

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM Tahap1/2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan pengendali perancah peringkat pertengahan di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Mempunyai sijil pengendali perancah peringkat asas selama 6 bulan;
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- f. Disahkan sihat oleh OHD;
- g. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus dan lulus peperiksaan kursus pengendali perancah peringkat pertengahan yang ditetapkan; dan
- h. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya.

4.9.3.3 Pengendali Perancah Peringkat Tertinggi

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM Tahap1/2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan pengendali perancah peringkat tertinggi di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Mempunyai sijil pengendali perancah peringkat pertengahan selama 6 bulan;
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- f. Disahkan sihat oleh OHD;
- g. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus dan lulus peperiksaan kursus pengendali perancah peringkat tertinggi yang ditetapkan; dan
- h. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.9.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.9.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan tugas-tugas sebagai pengendali perancah;
- b. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- c. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon pengendali perancah bagi semua peringkat hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi pengendali perancah akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus pengendali perancah yang berkaitan dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.9.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM50 bagi setiap permohonan.

4.10 OPERATOR KREN

4.10.1 AM

Operator kren adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kren dengan cara kerja yang selamat dan cekap bagi aktiviti mengangkat/memindahkan kedudukan peralatan atau beban yang berat dan besar. Kren banyak digunakan dalam industri pembinaan, industri kejuruteraan berat, industri perkapalan dan lain-lain industri yang melibatkan aktiviti mengangkat dalam skala besar. Di Malaysia, terdapat 3 jenis kren yang biasa digunakan iaitu; kren menara, kren bergerak (beroda) dan kren bergerak (berantai).

Bagi menjamin keselamatan pekerja dan juga orang selain pekerja terhadap risiko yang mungkin timbul dari aktiviti melibatkan kren, Jabatan telah menguatkuasakan AKKP 1994 dan peraturan-peraturan dibawahnyadengan menetapkan syarat bahawa semua kren yang dimaksudkan seperti diatas perlu mempunyai seorang operator kren yang berkelayakan dan kompeten bagi membolehkan ianya beroperasi.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Operator Kren bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.10.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab operator kren adalah –

- a. Mengendali kren dengan tatakerja yang selamat dan cekap; dan
- b. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan yang berkaitan dibawahnya.

4.10.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Operator Kren hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM Tahap 1/2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan kursus operator kren di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;

- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus operator kren yang ditetapkan dan lulus peperiksaan.

4.10.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.10.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan tugas-tugas sebagai operator kren;
- b. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- c. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Operator Kren akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus kompetensi Operator Kren dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.10.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM50 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PENDAFTARAN
OPERATOR KREN**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Operator Kren
3	Salinan & Sijil Asal Kursus Operator Kren
4	Sijil PMA (Asal dan Salinan)
5	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja)
6	Salinan Kad Pengenalan

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
OPERATOR KREN**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Operator Kren
3	Sijil PMA (Asal dan Salinan)
4	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja)
5	Salinan Kad Pengenalan
6	Salinan sijil kursus (CEP) – (keperluan akan datang untuk migrasi)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.11 JURUTERA STIM

4.11.1 AM

Jurutera Stim merupakan orang yang bertanggungjawab menyelia dan menyenggara dandang stim sebagaimana yang dikehendaki dibawah AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Jurutera Stim bagi memastikan dandang stim berada dalam keadaan baik dengan cara kerja yang selamat mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.11.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Jurutera Stim hendaklah:

- a. Memastikan bahawa pengendalian dan penyenggaraan dandang stim mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan;
- b. Memastikan pengendalian dandang stim di uji secara rutin dan berkala mengikut syor pengilang;
- c. Memastikan dandang stim dikendalikan dan disenggarakan dalam keadaan baik dan dengan cara yang selamat;
- d. Menyediakan laporan lengkap berkenaan pemeriksaan, pembaikan dan kerosakan pada dandang stim; dan
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.11.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Jurutera Stim, hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam apa-apa bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan jurutera stim di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Bagi kompetensi Jurutera Stim Gred 1, pemohon hendaklah mempunyai:-
 - i. 6 bulan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dandang stim sebagai Jurutera Stim Gred 2;

- e. Bagi Kompetensi Jurutera Stim Gred 2, pemohon hendaklah mempunyai:
 - i. 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dandang stim;
- f. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- g. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- h. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus kompetensi yang berkaitan dan lulus peperiksaan.

4.11.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN JS-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.11.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Stim;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji;
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Jurutera Stim akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus Kompetensi Jurutera Stim yang berkaitan dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN JS-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan

kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.11.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PENDAFTARAN & NAIK TARAF GRED
JURUTERA STIM**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Jurutera Stim / EPD / Jurutera Pelawat Mengikut Gred
3	Salinan Sijil Akademik
4	Salinan Sijil PMD atau Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar
5	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja)
6	Transkrip Akademik
7	Salinan Kad Pengenalan
8	Bukti bukti menjalankan tugas sebagai jurutera stim / epd

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN & NAIK TARAF GRED
JURUTERA STIM**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Pembaharuan dan naiktaraf Jurutera Stim / EPD / Jurutera Pelawat Mengikut Gred
3	Laporan perubahan yang disahkan oleh pegawai perubahan berdaftar
4	Salinan Sijil PMD atau Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar
5	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja dan lantikan)
7	Salinan Kad Pengenalan
8	Salinan sijil kursus (CEP) – (keperluan akan datang untuk migrasi)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.13 DREBAR ENJIN STIM

4.13.1 AM

Drebar Enjin Stim merupakan orang yang bertanggungjawab mengendali dan menyenggara dandang stim sebagaimana yang dikehendaki dibawah peraturan 3, Peraturan-Peraturan (Orang-Orang Menjaga) Kilang dan Jentera, 1970.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Drebar Enjin Stim bagi memastikan dandang stim berada dalam keadaan baik dengan cara kerja yang selamat mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.13.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Drebar Enjin Stim hendaklah:

- a. Memastikan bahawa pengendalian dan penyenggaraan dandang stim mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967;
- b. Memastikan pengendalian dandang stim di uji secara rutin dan berkala mengikut syor pengilang;
- c. Memastikan dandang stim dikendalikan dan disenggarakan dalam keadaan baik dan dengan cara yang selamat.
- d. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.13.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Seseorang yang memohon ingin didaftarkan dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Drebar Enjin Stim, hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM 2;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan Drebar Enjin Stim di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah; dan
- d. Bagi kompetensi Drebar Enjin Stim Gred 1, pemohon hendaklah mempunyai:-
 - i. 6 bulan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dandang stim sebagai Drebar Enjin Stim Gred 2;

- e. Kompetensi Drebar Enjin Stim Gred 2, pemohon hendaklah mempunyai:
 - i. 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dandang stim;
- f. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- g. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- h. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus kompetensi yang berkaitan dan lulus peperiksaan.

4.13.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN DES-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.13.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi dan syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Drebar Enjin Stim;
- b. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji;
- c. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Drebar Enjin Stimakan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus Kursus Drebar Enjin Stim yang berkaitan dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN DES-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.13.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM50 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PENDAFTARAN & NAIK TARAF GRED
DREBAR ENJIN STIM**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Boilerman / EPD
3	Salinan Sijil Akademik
4	Salinan Sijil PMD
5	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja)
6	Transkrip Akademik
7	Salinan Kad Pengenalan
8	Bukti bukti menjalankan tugas sebagai boilerman / epd

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN & NAIK TARAF GRED
DREBAR ENJIN STIM**

Bil	Senarai
1	Surat Permohonan
2	Borang Permohonan Pembaharuan dan naiktaraf Boilerman / EPD
3	Laporan perubahan yang disahkan oleh pegawai perubahan berdaftar
4	Salinan Sijil PMD
5	Pengesahan Majikan (Tempoh Bekerja dan lantikan)
7	Salinan Kad Pengenalan
8	Salinan sijil kursus (CEP) – (keperluan akan datang untuk migrasi)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.15 ORANG KOMPETEN LIF

4.15.1 AM

Orang Kompeten Lif adalah merupakan orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam skop lif dan eskalator. Orang Kompeten Lif adalah bertanggungjawab dalam segala aspek berkaitan dengan lif dan eskalator daripada proses permohonan rekabentuk, pemasangan, penyelenggaraan dan pemeriksaan.

Firma yang kompeten hendaklah melantik Orang Kompeten Lif bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.15.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

4.15.2.1 Orang Kompeten Lif Gred I hendaklah:-

- a. Menjadi wakil bagi pemilik lif untuk menyediakan, menandatangani dan menyerahkan Jadual Pertama pada Ketua Pengarah seperti yang di nyatakan dalam peraturan 6 (a) (Lif Elektrik Penumpang-Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970;
- b. menjalankan sekurang-kurangnya 30 pemeriksaan pertama atau pemeriksaan berkala dalam masa setahun;
- c. memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja dan orang lain semasa pemasangan, pengujian dan pemeriksaan pertama serta pemeriksaan berkala pada jentera yang di bawah kawalan;
- d. memberitahu Ketua Pengarah jika berlaku kemalangan atau insiden melibatkan lif di bawah seliaan;
- e. memberikan laporan teknikal kemalangan dan langkah-langkah pembaikan yang dibuat; dan
- f. menyelia Orang Yang Kompeten Lif Gred II dan Gred III.
- g. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.15.2.2 Orang Kompeten Lif Gred 2 hendaklah :-

- a. menjalankan sekurang-kurangnya 60 pemeriksaan pertama atau pemeriksaan berkala dalam masa setahun;
- b. memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja dan orang lain semasa pemasangan, pengujian dan pemeriksaan pertama serta pemeriksaan berkala pada jentera yang di bawah kawalan;
- c. menyelia Orang Yang Kompeten Lif Gred III; dan
- d. memberitahu Ketua Pengarah atau Orang Kompeten Lif Gred 1 jika berlaku kemalangan atau insiden melibatkan lif di bawah seliaan;
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.15.2.3 Orang Kompeten Lif Gred3 hendaklah :-

- a. menjalankan sekurang-kurangnya 90 pemeriksaan pertama atau pemeriksaan berkala dalam masa setahun;
- b. memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja dan orang lain semasa pemasangan, pengujian dan pemeriksaan pertama serta pemeriksaan berkala pada jentera yang di bawah kawalan; dan
- c. memberitahu Ketua Pengarah atau Orang Yang Kompeten Lif Gred 1 jika berlaku kemalangan atau insiden melibatkan lif di bawah seliaannya;
- d. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam AKKP 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.15.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai:

1. Orang Kompeten Lif Gred 1 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan mekanikal, elektrik atau elektronik yang diiktiraf oleh MQA;

- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan Orang Kompeten Lif Gred 1 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
 - d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
 - e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
 - f. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus kompetensi yang ditetapkan dan lulus peperiksaan.
2. Orang Kompeten Lif Gred 2 & 3 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- a. Warganegara Malaysia;
 - b. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM 3 dalam bidang kejuruteraan mekanikal, elektrik atau elektronik;
 - c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan Orang Kompeten Lif Gred 2 atau Gred 3 di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
 - d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
 - e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
 - f. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 1 tahun selepas hadir kursus kompetensi yang ditetapkan dan lulus peperiksaan.

4.15.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN LIF-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.15.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

1. Orang Kompeten Lif Gred 1 hendaklah --
 - a. Masih aktif menjalankan tugas sebagai Orang Kompeten Lif Gred 1;
 - b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
 - c. Wajib hadir dan lulus Kursus Ulangkaji; dan
 - d. Disahkan sihat oleh OHD;
 - e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

2. Orang Kompeten Lif Gred 2 atau Gred 3 hendaklah --
 - a. Masih aktif menjalankan tugas sebagai Orang Kompeten Lif Gred 2 atau Gred 3;
 - b. Wajib hadir dan lulus Kursus Ulangkaji; dan
 - c. Disahkan sihat oleh OHD.
 - d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Orang Kompeten Lif Gred 1, Gred 2 dan Gred 3 akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus kompetensi yang berkaitan dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN LIF-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.15.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah seperti berikut:-

1. Orang Kompeten Lif Gred 1 -- RM100 bagi setiap permohonan.
2. Orang Kompeten Lif Gred 2 & 3 – RM50 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PENDAFTARAN
ORANG KOMPETEN LIF**

Bil	Senarai
1	Salinan kad pengenalan.
2	Salinan sah visa atau pasport (Gred I Sahaja)
3	Salinan sah sijil BEM (Gred I Sahaja)
4	Salinan sah surat lantikan dan senarai tugas yang lengkap
5	Salinan sah sijil latihan teknikal bersama dengan syarikat prinsipal.
6	Salinan sah sijil latihan dalam bidang teknikal yang berkaitan dengan tugas.
7	Salinan sah sijil latihan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja(KKP)
8	Salinan sah sijil kelayakan akademik
9	Resume
10	Pemeriksaan Perubatan

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
ORANG KOMPETEN LIF**

Bil	Senarai
1	Lampiran 4 (Laporan Pemeriksaan Perubatan)
2	Lampiran 5 (Sampel Senarai Semak Pemeriksaan Lif Penumpang & Lif Barang)
3	Lampiran 6 (Sampel JKJ 166 dan JKJ167)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.16 ORANG KOMPETEN MESIN ANGKAT

4.16.1 AM

Orang Kompeten Mesin Angkat adalah merupakan orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam skop mesin mesin angkat. Orang Kompeten Mesin Angkat bertanggungjawab dalam segala aspek berkaitan dengan mesin angkat daripada proses permohonan rekabentuk, pemasangan, perombakan, penyenggaraan dan pemeriksaan.

Firma yang kompeten hendaklah melantik Orang Kompeten Mesin Angkat bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.16.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Orang kompeten Mesin Angkat hendaklah:

- a. Menyemak semua dokumen yang akan dihantar untuk tujuan kelulusan rekabentuk mesin angkat;
- b. Menyelia sepenuhnya aktiviti pemasangan, pemeriksaan, penyenggaraan dan perombakan mesin angkat;
- c. Menjalankan pemeriksaan berkala dan merekodkan pemeriksaan di dalam senarai semak terhadap semua mesin angkat di bawah seliaannya pada setiap bulan;
- d. Memastikan mesin angkat diselenggara mengikut spesifikasi pembuat;
- e. Memastikan syarat-syarat dalam surat kelulusan rekabentuk mesin angkat dipatuhi;
- f. Memastikan pengurus projek mendapat maklumat yang mencukupi seperti manual, carta beban, sijil, laporan pemeriksaan dan sebagainya untuk mesin angkat yang dipasang di tapak tersebut;
- g. Memaklumkan kepada JKKP Negeri berkenaan sebarang kerosakan terhadap struktur dan komponen mesin angkat;
- h. Bekerjasama dengan Pegawai JKKP di dalam menjalankan pemeriksaan tapak (*ground inspection*) untuk ujian kendalian dan ujian beban;
- i. Memberi taklimat dan latihan berkenaan operasi kerja selamat kepada pihak pengurusan tapak sebelum menyerahkan operasi mesin angkat berkenaan;

- j. Membantu siasatan dan menyediakan laporan kemalangan terhadap apa-apa kejadian merbahaya yang berlaku ke atas mesin angkat di bawah seliaanya;
- k. Memastikan keselamatan dan kesihatan semua pekerja di bawah seliaanya terjamin semasa pemasangan, pemeriksaan, penyenggaraan dan perombakan mesin angkat.
- l. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan dibawahnya.

4.16.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai Orang Kompeten Mesin Angkat hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma, atau SKM 3 dalam bidang kejuruteraan Mekanikal atau Elektrik & Elektronik yang diiktiraf oleh MQA;
- b. Hadir kursus dan lulus peperiksaan di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang skop jenis mesin angkat yang dimohon;
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir kursus dan lulus peperiksaan di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

4.16.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN MA-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.16.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Orang Kompeten Mesin Angkat;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan bagi 3 tahun;

- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- d. Mengemukakan permohonan pembaharuan 3 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi; dan
- e. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- f. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Orang Kompeten Mesin Angkat akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus kompetensi Orang Kompeten Mesin Angkat dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN MA-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.16.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PENDAFTARAN
ORANG KOMPETEN MESIN ANGKAT**

Bil	Senarai
1	Salinan Laporan Pemeriksaan Perubatan dari Pengamal perubatan berdaftar
2	Salinan sijil atau surat pengesahan telah menghadiri kursus pemasangan, penyenggara dan perombak dari pembuat/Firma Kompeten.
3	Salinan sijil hadir kursus bekerja di tempat tinggi.
4	Salinan sijil hadir kursus HIRARC/JSA.
5	Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dengan pemasangan, penyenggara dan perombak kren menara, mesin angkat penumpang/barang, working platform dan Gondola.
6	Salinan sijil kelulusan pendidikan tertinggi

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
ORANG KOMPETEN MESIN ANGKAT**

Bil	Senarai
1	Salinan Laporan Pemeriksaan Perubatan dari Pengamal perubatan berdaftar
2	Sijil Hadir Kursus Keselamatan / Teknikal yang dihadiri dalam tempoh kelulusan lepas
3.	Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dengan pemasangan, penyenggaraan perombak kren menara, mesin angkat penumpang/barang, <i>working platform</i> dan gondola
4	Senarai kerja yang diselia sepanjang kelulusan yang lepas (nyatakan Nama Projek/Lokasi/Jentera/PMA/Tarikh Pasang/Tarikh Rombak)

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian

4.17 DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN

4.17.1 AM

Doktor Kesihatan Pekerjaan merupakan pengamal perubatan yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. Mereka berperanan menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap pekerja-pekerja yang terdedah kepada hazard pekerjaan bagi melindungi dan memastikan tahap kesihatan pekerja terbabit berada dalam keadaan optimum dari segi fizikal dan mental. Sehingga kini, terdapat kira-kira 1210 orang Doktor Kesihatan Pekerjaan yang berdaftar dengan Ketua Pengarah di seluruh negara.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Doktor Kesihatan Pekerjaan bagi menjalankan penaksiran risiko kepada kesihatan di tempat kerja menurut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

4.17.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Doktor Kesihatan Pekerjaan hendaklah:

- a. Menjalankan Program Pengawasan perubatan (*Medical Surveillance*);
 - i. Menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada pekerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan berdasarkan laporan CHRA.
 - ii. Menjalankan Perlindungan Pemindahan Perubatan (MRP) bagi pekerja yang tidak dibenarkan terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan.
 - iii. Menghantar Borang USECHH 4, 5i, dan 5ii kepada Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia sebulan selepas selesai menjalankan aktiviti Program Pengawasan Perubatan.
- b. Melaporkan sebarang penyakit dan keracunan pekerjaan berdasarkan Peraturan NADOPOD dengan menggunakan borang JKPP 7 atau secara atas talian di laman web Jabatan;
- c. Menjalankan pemeriksaan kesihatan untuk tujuan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Kompeten;
- d. Menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap pekerja yang bekerja di dalam ruang terkurung (*Confined Space ICOP*); dan
- e. Menjalankan pemeriksaan ujian audiometri untuk pendedahan kepada bunyi bising di tempat kerja:-

- i. Memastikan prosedur dan penyimpanan rekod ujian audiometrik serta latihan juruteknik audiometrik adalah mencukupi.
 - ii. Mentafsir audiogram dan mendiagnosis gangguan pendengaran sewajarnya.
 - iii. Memeriksa pekerja dengan audiogram tidak normal untuk mengesahkan diagnosis, menentukan kaitan penyakit dengan pekerjaannya dan tahap keterukan gangguan pendengaran yang dialaminya.
 - iv. Memaklumkan gangguan pendengaran berkaitan pekerjaan ke pejabat JKPP yang terdekat.
 - v. Merujuk pekerja yang mengalami gangguan pendengaran untuk rawatan selanjutnya jika perlu dan membuat tindakan susulan.
 - vi. Mengarahkan majikan untuk mengulangi ujian audiometrik bagi pekerja yang mengalami anjakan ambang standard (STS) dalam tempoh tiga bulan.
 - vii. Mengarahkan majikan untuk menyesuaikan dan melatih semula penggunaan pelindung pendengaran diri (PHP) bagi pekerja dengan kecacatan pendengaran dan/atau hilang pendengaran dan/atau Anjakan Ambang Standard Kekal (PSTS).
 - viii. Memaklumkan pekerja dengan audiogram tidak normal berhubung dengan keadaannya dan mengajarnya tentang amalan terbaik untuk menjaga pendengarannya.
- f. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan yang berkaitan.

4.17.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Doktor Kesihatan Pekerjaan hendaklah memenuhi kelayakan dan syarat-syarat berikut:

- a. Merupakan seorang Pengamal Perubatan yang berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) serta memiliki sijil amalan tahunan yang sah;
- b. Hadir kursus OHD dan lulus peperiksaan di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah, atau memiliki Diploma/Sarjana/PhD dalam bidang Kesihatan Pekerjaan dari Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

- c. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas lulus kursus Doktor Kesihatan Pekerjaan/Diploma/Sarjana/Phd dalam bidang Kesihatan Pekerjaan; dan
- d. Tidak pernah disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

4.17.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN OHD-

1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.17.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai OHD;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadiri dan lulus kursus ulangkaji (*Refresher Course*); dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi OHD akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus kompetensi OHD dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN OHD-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Semua maklumat yang dikemukakan hendaklah lengkap dan benar. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak untuk tidak menyambung kompetensi tersebut tanpa sebarang notis.

4.17.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

SENARAI SEMAK PENDAFTARAN DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN

- Maklumat asas yang wajib diisi dalam borang atas talian seperti nama penuh, gambar dan nombor kad pengenalan
- Kad pengenalan (depan dan belakang) bagi warganegara Malaysia
- Kelayakan akademik atau profesional (MBBS) / *Medical Doctor* (M.D)
- Sijil lulus peperiksaan Doktor Kesihatan Pekerjaan yang dikendalikan oleh Pusat Pengajar yang diiktiraf Jabatan

ATAU

- Diploma/Sarjana/Ph.D dalam bidang Kesihatan Pekerjaan dari Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia
- Sijil Perakuan Amalan Tahunan semasa
- Sijil Perakuan Pendaftaran penuh Majlis Perubatan Malaysia (MMC)

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*



**BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN**

- Maklumat asas yang wajib diisi dalam borang atas talian seperti nama penuh dan nombor kad pengenalan
- Sijil Perakuan Amalan Tahunan semasa
- Laporan Pengawasan Perubatan yang telah dijalankan (borang USECHH 4, 5i dan 5ii yang telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah)
- Pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan (borang JKPP 7)
- Bukti-bukti lain aktiviti berkaitan Kesihatan Pekerjaan sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*

4.18 ORANG KOMPETEN NON MAJOR HAZARD (NMHI)

4.18.1 AM

Orang Kompeten *Non Major Hazard* adalah merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan rundingan bagi mengawal bahaya besar kepada pengilang yang menyimpan, mengendali dan memproses bahan berbahaya yang kuantitinya melebihi 10% daripada kuantiti ambang dan kurang kuantiti ambang yang dibenarkan menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.

Seseorang majikan hendaklah melantik, menggaji atau mengambil kerja orang kompeten yang dipanggil Orang Kompeten *Non Major Hazard* yang berdaftar dengan Ketua Pengarah bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana piawaian yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

4.18.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Orang kompeten Pemeriksa Bahaya Bukan Besar hendaklah:

- a. Menyediakan *Non Major Hazard Report* dan *Emergency Response Plan* (ERP);
- b. Memberi khidmat nasihat di dalam penyediaan *Non Major Hazard Report* dan *Emergency Response Plan* (ERP).
- c. Memastikan nasihat yang diberikan selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, dan peraturan-peraturan dibawahnya.
- d. Memastikan maklumat di dalam *Non Major Hazard Report* dan *Emergency Response Plan* (ERP) difahami sepenuhnya oleh pemilik pemasangan NMH
- e. Memastikan maklumat-maklumat yang dimuatkan di dalam laporan adalah seperti yang dikehendaki oleh peraturan.
- f. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.

4.18.3 KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Pemohon yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai orang kompeten yang dipanggil Pemeriksa Bahaya Bukan Besar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;

- b. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Sains, Diploma Kejuruteraan, atau Diploma Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang diiktiraf oleh MQA;
- c. Hadir kursus dan lulus peperiksaan kursus Orang Kompeten *Non Major Hazard* di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- d. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja dalam bidang KKP.
- e. Diambil kerja oleh pengilang bertaraf *Non Major Hazard Installations 'exclusively'* sebagai Orang Kompeten Non Major Hazard;
- f. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya;
- g. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- h. Mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 3 tahun selepas hadir dan lulus peperiksaan kursus kompetensi yang ditetapkan.

4.18.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.18.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Orang Kompeten Non Major Hazard;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan (mempunyai nombor rujukan) bagi 3 tahun;
- c. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher Course*);
- d. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- e. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi Orang Kompeten Non Major Hazard akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus Orang Kompeten Non Major Hazard

dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN X. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.18.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT

4.19ORANG KOMPETEN MAJOR HAZARD

4.19.1 AM

Orang Kompeten Major Hazard (OKMH) merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan rundingan bagi mengawal bahaya kemalangan besar kepada pengilang yang menyimpan, mengendali dan memproses bahan berbahaya yang melebihi daripada kuantiti ambang yang dibenarkan menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.

Seseorang majikan hendaklah berunding dengan orang kompeten dipanggil Orang Kompeten Major Hazard yang berdaftar dengan Ketua Pengarah bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana piawaian yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

4.19.2TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

OKMH hendaklah:

- a. Memberi khidmat nasihat di dalam penyediaan Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Kecemasan Tapak (ERP);
- b. Memastikan nasihat-nasihat yang diberikan selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, dan peraturan-peraturan dibawahnya;
- c. Memastikan maklumat di dalam Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Kecemasan Tapak (ERP) difahami sepenuhnya oleh pemilik pemasangan MH;
- d. Memastikan maklumat-maklumat yang dimuatkan di dalam laporan adalah seperti yang dikehendaki oleh peraturan.
- e. Menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.

4.19.3KELAYAKAN DAN SYARAT PENDAFTARAN

Seseorang yang memohon ingin didaftarkan dengan Ketua Pengarah sebagai OKMHhendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Sains atau Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Ijazah Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf oleh MQA;
- c. Berpengalaman selama 3 tahun dalam bidang *Process Safety*;

- a. Hadir dan lulus peperiksaan kursus OKMH di pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- b. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; dan
- c. Disahkan sihat oleh OHD.

4.19.4 PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU

Semua permohonan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN OKMH-1. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.19.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Masih aktif menjalankan kerja sebagai OKMH;
- b. Mempunyai sebanyak 30 mata CEP yang diluluskan Jabatan bagi 3 tahun;
- a. Hadir dan lulus Kursus Ulangkaji (*Refresher*);
- c. Disahkan sihat oleh OHD; dan
- d. Tidak disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan 1 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.

Sijil kompetensi OKMH akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil. Pemohon hendaklah hadir dan lulus kursus OKMH dan mengemukakan permohonan pendaftaran baru sekiranya ingin meneruskan kompetensi.

Semua permohonan pembaharuan hendaklah mempunyai maklumat seperti di LAMPIRAN OKMH-2. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan secara atas talian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap ataupun palsu, Ketua Pengarah berhak menolak permohonan tersebut.

4.19.6 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN KOMPETENSI

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan kompetensi adalah sebanyak RM100 bagi setiap permohonan.

DRAFT



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU
ORANG YANG KOMPETEN MAJOR HAZARD**

A. GENERAL PARTICULARS			
FullName(inblockletters):	DateofBirth:	Sex: Male <input type="checkbox"/> Female <input type="checkbox"/>	
NRICId: New : orPassportNumber:	PlaceofBirth City: State: Country:	Citizenship:	
Home Address:		TelephoneNumber:	
NameofOrganizationandAddress:		Tel.No.: Fax No.: E-mail:	
B. TERTIARY EDUCATION AND OTHER RELEVANT COURSES			
(1) TERTIARY EDUCATION			
NameofInstitution	Year		HighQualificationObtained
	From	To	
(2) RELEVANT COURSES			

Name of Course or Seminar	Date

C. EMPLOYMENT HISTORY

Name of Company	Period of		Designation	Description of Duties
	From	To		

D. RELEVANT EXPERIENCE IN MAJOR ACCIDENT HAZARD CONTROL

Experience in Major Accident Hazards Control	Date

E. Certification

I hereby certify the above information given is true and allow you or your representative to obtain information related to this application from any relevant sources. If any information above is not true, you have the right to reject the application or cancel my registration as a competent person without any notice.

Signature: _____

Name: Date: _____

Nota: Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN ORANG YANG
KOMPETEN MAJOR HAZARD**

A. GENERAL PARTICULARS		
FullName(inblockletters):	DateofBirth:	Sex: Male <input type="checkbox"/> Female <input type="checkbox"/>
NRICId: New : orPassportNumber:	PlaceofBirth City: State: Country:	Citizenship:
Home Address:		TelephoneNumber:
NameofOrganizationandAddress:		Tel.No.: Fax No.: E-mail:
B. TRAINING COURSES (RELEVANT)		
NameofCourseorSeminar		Date

C. LIST OF SAFETY REPORT OR EMERGENCY RESPONSE PLAN (LATEST)

Name of Company	Type of Report	Date of Prepared

E. Certification

I hereby certify the above information given is true and allow you or your representative to obtain information related to this application from any relevant sources. If any information above is not true, you have the right to reject the application or cancel my registration as a competent person without any notice.

Signature: _____

Name: Date: _____

Nota: *Maklumat dan dokumen permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara atas talian*

5.0 TEMPOH SAH SIJIL KOMPETENSI

Bagi pemohon yang berjaya didaftarkan, tempoh sah sijil kompetensi yang diberikan adalah selama 3 tahun.

Pemohon hendaklah bersedia mematuhi segala peraturan serta menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Jika gagal berbuat demikian, Ketua Pengarah boleh menarik atau membatalkan sijil kompetensi tanpa sebarang notis.

6.0 PEMBATALAN KOMPETENSI

Ketua Pengarah boleh membatalkan mana-mana kompetensi sekiranya pemegang kompetensi:-

- a. melanggar etika kerja/profesionalisme;
- b. gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Orang Kompeten;
- c. mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata;
- d. telah disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; atau
- e. telah melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran.

Orang Kompeten yang telah dibatalkan kompetensi hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembatalan kompetensi.

7.0 KOMPETENSI TIDAK DIPERBAHARUI

Ketua Pengarah berhak tidak memperbaharui mana-mana kompetensi sekiranya pemohon tidak memenuhi syarat pembaharuan yang ditetapkan.

Orang Kompeten yang mana kompetensinya tidak diperbaharui tetapi masih ingin untuk meneruskan kompetensi tersebut, perlu mengemukakan permohonan pendaftaran baharu. Sila rujuk syarat pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan.

8.0 PUSAT PENGAJAR & TENAGA PENGAJAR

8.1 PENDAFTARAN PUSAT PENGAJAR

- (a) Setiap pusat pengajar yang mengendalikan kursus kompetensi hendaklah berdaftar dengan JKKP dengan menggunakan borang sebagaimana dalam Lampiran PP-1.
- (b) Setiap permohonan untuk tujuan pendaftaran pusat pengajar hendaklah dikehendaki diserahkan kepada:-

Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia,
Aras 1,3, 4&5, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
No. Telefon: 03 – 8886 5343
No. Fax: 03 – 8889 2443

8.1.1 SYARAT AM PENDAFTARAN SEBAGAI PUSAT PENGAJAR

- (a) Pusat pengajar yang ingin berdaftar dengan Ketua Pengarah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- i. Mempunyai sekurang-kurangnya seorang tenaga pengajar tetap mengikut kursus kompetensi yang ditawarkan;
 - ii. Mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam 8.1.1(c);
 - iii. Jumlah peserta bagi setiap sesi/kelas latihan tidak melebihi 25 orang;
 - iv. Tempoh pengendalian kursus yang dijalankan hendaklah merangkumi semua silibus dalam modul yang diluluskan sebagaimana dalam lampiran;
 - v. Ujian atau peperiksaan dikendalikan oleh agensi yang diluluskan oleh Jabatan.

Setiap permohonan pendaftaran sebagai Pusat Pengajar hendaklah disertakan dengan maklumat berikut:

Perkara	Perihal
i. Surat permohonan	- Tujuan - Butir-butir lengkap kursus yang dijalankan
ii. Borang pendaftaran pusat pengajar	- Rujuk Lampiran PP-1
iii. Latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan	- Latar belakang/profil syarikat - Jumlah kakitangan - Carta organisasi - Sistem pengurusan kualiti (jika ada) - Salinan sijil SSM
iv. Senarai dan maklumat tenaga pengajar termasuk seorang tenaga pengajar tetap	- Salinan surat pelantikan sebagai pengajar - Salinan surat persetujuan untuk pengajar jemputan - Salinan surat perjanjian antara pusat pengajar & pengajar tetap
v. Modul kursus termasuk jangkamasa untuk setiap topik	- Topik setiap modul termasuk jumlah jam yang diperuntukkan - Slaid persembahan
vi. Nota lengkap kursus	- Nota kursus yang merangkumi topik seperti dalam modul
vii. Mekanisme penilaian dan maklumbalas peserta	- Sistem/kaedah penilaian peserta semasa latihan (<i>assignment</i> seperti kuiz atau <i>exam</i> bertulis) - Maklumbalas peserta terhadap kursus & prestasi pengajar
viii. Kaedah penyimpanan rekod peserta	- Nama - IC - Tarikh kursus - Keputusan peperiksaan - Nombor siri sijil kehadiran - Rekod penilaian peserta - Borang maklumbalas peserta
ix. Maklumat lain yang berkaitan	- Tatacara kawalan pemberian sijil kehadiran kursus

- (c) Pusat pengajar yang ingin berdaftar perlu memenuhi keperluan kelengkapan dan kemudahan tempat pengendalian kursus seperti berikut:
- i. Bilik ceramah yang sesuai, mempunyai pencahayaan dan pengudaraan mencukupi serta mempunyai keluasan yang selesa dan sesuai untuk 25 orang peserta;
 - ii. Kerusi dan meja yang mencukupi dan sesuai;
Peralatan mengajar yang sesuai seperti alat pandang-dengar (audio visual) dan papan tulis;
 - iii. Kemudahan asas seperti ruang rehat, tandas, surau dll;
 - iv. Peralatan kecemasan seperti kotak pertolongan kecemasan (*first aid box*) dan alat pemadam api; dan
 - v. Kelengkapan dan kemudahan tempat pengendalian kursus yang spesifik mengikut jenis kompetensi -- Rujuk Lampiran PP-2.

8.1.2 SYARAT AM PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PUSAT PENGAJAR

- (a) Pusat pengajar yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-
- i. Masih aktif mengendalikan kursus kompetensi sekurang-kurangnya 1 kali setahun; dan
 - ii. Mematuhi syarat-syarat am pendaftaran sebagai pusat pengajar;
- (b) Permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai pusat pengajar hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah 30 hari sebelum tamat tempoh sah pendaftaran.
- (c) Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
- i. Surat permohonan pembaharuan;
 - ii. Carta organisasi terkini;
 - iii. Maklumat kursus yang telah dikendalikan dalam tempoh pendaftaran terdahulu yang merangkumi peringkat kursus, tarikh, tempoh, bilangan pelajar, pengajar, penilai, pencapaian/statistik keputusan peperiksaan dan lain-lain;

- iv. Senarai pengajar terkini;
- v. Salinan slip pembayaran KWSP bagi tenaga pengajar tetap;
- vi. Salinan surat perjanjian terkini dengan tenaga pengajar jemputan (berstatus kontrak); dan
- vii. Semua salinan surat perjanjian yang berkaitan.

8.1.3 CAWANGAN PUSAT PENGAJAR

- (a) Pusat pengajar tidak dibenarkan mengendalikan latihan selain daripada tempat yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran. Walaubagaimanapun pusat pengajar boleh mengemukakan permohonan pendaftaran cawangan kepada Ketua Pengarah.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:

Perkara	Perihalan
i. Surat permohonan	- Tujuan - Butir-butir lengkap kursus yang dijalankan
ii. Borang pendaftaran pusat pengajar /cawangan	- Rujuk Lampiran PP-1
iii. Latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan bagi cawangan.	- Latar belakang/profil syarikat - Jumlah kakitangan - Carta organisasi - Sistem pengurusan kualiti (jika ada) - Salinan sijil SSM
iv. Senarai dan maklumat tenaga pengajar termasuk seorang tenaga pengajar tetap	- Salinan surat pelantikan sebagai pengajar - Salinan surat persetujuan untuk pengajar jemputan - Salinan surat perjanjian antara pusat pengajar & pengajar tetap
v. Kaedah penyimpanan rekod peserta	- Nama - IC - Tarikh kursus - Keputusan peperiksaan - Nombor siri sijil kehadiran - Rekod penilaian peserta - Borang maklumbalas peserta

vi. Maklumat lain yang berkaitan	- Tatacara kawalan pemberian sijil kehadiran kursus
----------------------------------	---

8.1.4 PENGENDALIAN KURSUS DI LOKASI SELAIN DARIPADA PREMIS PUSAT PENGAJAR YANG TELAH DILULUSKAN

- (a) Pusat pengajar yang ingin mengendalikan kursus di lokasi selain daripada premis pusat pengajar yang telah diluluskan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah dan memenuhi syarat-syarat berikut:-
- i. Kursus dilaksanakan di premis atau lokasi yang mempunyai fasiliti dan kemudahan yang lengkap untuk latihan teori dan praktikal (Rujuk 8.1.11)
 - ii. Menggunakan kawasan latihan praktikal yang memenuhi spesifikasi rekabentuk yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
 - iii. Mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap selewat-selewatnya 30 hari sebelum tarikh kursus dilaksanakan.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
- i. Surat permohonan yang menyatakan jenis kursus yang hendak dijalankan, tarikh pelaksanaan kursus, maklumat tenaga pengajar dan jumlah peserta.
 - ii. Borang Pendaftaran Pusat Pengajar (Rujuk Lampiran PP-1)
 - iii. Dokumen-dokumen sokongan
 - a. Lukisan pelan fasiliti
 - b. Kemudahan latihan teori, kelengkapan dan peralatan latihan praktikal (gambar/pelan)
 - c. Lukisan rekabentuk simulator (jika berkaitan)

8.1.5 TEMPOH SAH PENDAFTARAN SEBAGAI PUSAT PENGAJAR

Bagi permohonan yang berjaya, pendaftaran sebagai pusat pengajar diberikan untuk tempoh maksimum 3 tahun daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Pusat pengajar yang telah tamat tempoh sah seperti yang

tercatat dalam surat kelulusan pendaftaran adalah tidak dibenarkan mengendalikan kursus.

8.1.6 PEMBATALAN PENDAFTARAN SEBAGAI PUSAT PENGAJAR

- (a) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran pusat pengajar sekiranya didapati tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- (b) Pusat pengajar yang telah dibatalkan pendaftaran hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran.
- (c) Pendaftaran sebagai pusat pengajaran terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat tempoh sah pengiktirafan.

8.1.7 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PUSAT PENGAJAR

Yuran pemrosesan pendaftaran baru dan pembaharuan Pusat Pengajar adalah sebanyak RM1000 bagi setiap kursus yang ditawarkan.

8.2 PENDAFTARAN TENAGA PENGAJAR

8.2.1 SYARAT AM PENDAFTARAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

- (a) Tenaga pengajar adalah wajib berdaftar dengan Ketua Pengarah. Bagi permohonan pendaftaran sebagai tenaga pengajar, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi:
 - i. Mempunyai minimum 3 tahun pengalaman sebagai OYK atau kemahiran dalam bidang yang berkaitan;
 - ii. Telah menghadiri kursus '*Train the Trainer*'; dan
 - iii. Lulus sesi penilaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

- (b) Permohonan pendaftaran hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut:
- i. Surat permohonan yang menyatakan nama tenaga pengajar dan jenis kursus yang dijalankan.
 - ii. Borang Pendaftaran Tenaga Pengajar (Rujuk Lampiran TP)
 - iii. Dokumen-dokumen sokongan
 - a. Salinan Surat persetujuan daripada pengajar
 - b. Salinan perjanjian di antara pusat pengajar dan pengajar dengan dimatikan setem.
 - c. Sijil Kursus *Train the Trainer*'
 - d. Sijil Pendaftaran Sebagai OYK atau bukti pengalaman dan kemahiran dalam bidang berkaitan.
- (c) Tenaga pengajar yang berjaya didaftarkan akan diberikan tempoh sah pendaftaran selama 3 tahun bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- (d) Tenaga pengajar yang telah berdaftar boleh mengajar di mana-mana pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

8.2.2 SYARAT AM PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

- (a) Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah mengemukakan bukti aktif mengajar, atau mendapatkan *testimonial* dari Pusat Pengajar.
- (b) Permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai tenaga pengajar hendaklah dikemukakan kepada JKPP 1 bulan sebelum tamat tarikh tempoh sah pendaftaran.
- (c) Pengiktirafan sebagai tenaga pengajar akan terbatal jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tamat tempoh sah pendaftaran.

8.2.3 PEMBATALAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

- (a) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran mana-mana tenaga pengajar sekiranya mereka didapati:-
- i. melanggar etika kerja/profesionalisme;
 - ii. gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab;
 - iii. gagal mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - iv. telah disabitkan kesalahan di bawah AKKP 1994 atau peraturan-peraturan dibawahnya; atau
 - v. tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat kelulusan pendaftaran, pembaharuan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- (b) Tenaga pengajar yang telah dibatalkan pengiktirafan hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas tempoh 3 tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran.

8.2.4 YURAN PROSES PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN TENAGA PENGAJAR

Yuran pemprosesan pendaftaran baru dan pembaharuan tenaga pengajar adalah sebanyak RM200 bagi setiap permohonan. Peruntukan ini hendaklah juga terpakai kepada Pegawai JKKP yang masih sedang berkhidmat di Jabatan.

8.3 MODUL LATIHAN KOMPETENSI

- (a) Pusat pengajar yang mengendalikan kursus latihan kompetensi hendaklah menggunakan modul latihan yang diluluskan oleh JKKP;
- (b) Modul latihan kompetensi perlu disemak:
- i. Setiap 3 tahun;
 - ii. Sekiranya terdapat perubahan terhadap peruntukan perundangan; atau
 - iii. Sekiranya terdapat arahan daripada Jabatan.

8.4 KURSUS ULANGKAJI

8.4.1 (a) Kursus ulangkaji bagi setiap kompetensi yang dijalankan hendaklah memenuhi syarat/kriteria berikut:

- i. Menggunakan silibus dan modul kursus ulangkaji yang diluluskan oleh JKPP;
- ii. Tempoh kursus adalah selama 2 hari (minimum), namun ianya bergantung kepada jenis kompetensi dan kelulusan oleh JKPP; dan
- iii. Mempunyai sistem penilaian.

(b) Setiap pemegang kompetensi hendaklah menghadiri kursus ulangkaji yang dikendalikan oleh pusat pengajar yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai syarat untuk memperbaharui pendaftaran dengan JKPP.

8.5 PANEL KOMPETENSI

8.5.1 PELANTIKAN JAWATANKUASA PANEL KOMPETENSI

Ahli Jawatankuasa (AJK) Panel Kompetensi hendaklah dilantik oleh Ketua Pengarah. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti di bawah:

- (a) Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah JKPP
- (b) Timbalan Pengerusi: Wakil Pusat Pengajar/Pusat Peperiksaan
- (c) Setiausaha: Wakil pusat pengajar/pusat peperiksaan
- (d) Ahli jawatankuasa:-
 - i. Pengarah-pengarah Bahagian berkaitan
 - ii. Wakil Pusat Pengajar
 - iii. Wakil Industri
 - iv. Wakil IPT
 - v. Wakil NGO

8.5.2 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PANEL KOMPETENSI

Fungsi dan tanggungjawab panel kompetensi adalah seperti berikut:

- (a) Mencadangkan untuk kelulusan Ketua Pengarah kriteria bagi pengiktirafan Orang Kompeten dan Pusat Pengajar;
- (b) Mempertimbang untuk kelulusan cadangan modul bagi program kompetensi, termasuk metodologi penilaian kekompetenan oleh Jawatankuasa Teknikal Kompetensi;
- (c) Mempertimbang dan mencadangkan program dan peperiksaan kompetensi baru sesuai dengan keperluan perundangan;
- (d) Mempertimbang, menilai dan mencadangkan naiktaraf program dan peperiksaan keselamatan dan kesihatan sedia ada mengikut taraf kebangsaan atau antarabangsa;
- (e) Meluluskan modul bagi program kompetensi, soalan dan skema pemarkahan bagi peperiksaan yang diwujudkan berdasarkan keperluan perundangan;
 - i. Modul bagi program kompetensi, soalan dan skema pemarkahan bagi peperiksaan hendaklah terlebih dahulu disemak oleh Jawatankuasa Teknikal Kompetensi sebelum ia dikemukakan kepada Panel Kompetensi;
 - ii. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Kompetensi akan membentangkan modul bagi program kompetensi, soalan dan skema pemarkahan bagi peperiksaan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Panel Kompetensi.
- (f) Melantik, menggugurkan dan meluluskan senarai nama tenaga pengajar, ketua penilai peperiksaan dan penilai peperiksaan. Pelantikan tenaga pengajar, ketua penilai peperiksaan dan penilai peperiksaan adalah berdasarkan kepada maklumat biodata yang disahkan;
- (g) Meluluskan kaedah penilaian dan kekerapan bagi program dan peperiksaan yang diwujudkan berdasarkan keperluan perundangan;
- (h) Mengesahkan dan menetapkan kriteria program dan peperiksaan kompetensi;
- (i) Mengesahkan analisis keperluan program dan *trend* keputusan peperiksaan;

- (j) Membincang dan meluluskan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan program dan peperiksaan kompetensi.

8.5.3 KOD ETIKA

1. Perkara-perkara yang berkaitan dengan program, peperiksaan dan soalan-soalan peperiksaan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Panel Kompetensi tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh didedahkan kepada umum dalam sebarang bentuk sama ada secara bercetak atau lisan.
2. AJK Panel Kompetensi tidak dibenarkan membawa keluar sebarang dokumen bercetak daripada bilik mesyuarat selepas mesyuarat selesai.
3. Tiada apa-apa perubahan kepada kriteria pengiktirafan boleh dilakukan tanpa kelulusan Jawatankuasa Panel Kompetensi.

8.5.4 TERMA PERLANTIKAN

- (a) Senarai ahli jawatankuasa Panel Kompetensi hendaklah mendapat persetujuan Ketua Pengarah JKKP.
- (b) Jika terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat tiga (3) kali berturut-turut tanpa sebab yang diperakui oleh Jawatankuasa Panel Kompetensi, maka ahli tersebut boleh dicadangkan untuk digugurkan. Jawatankuasa Panel Kompetensi boleh mencadangkan ahli baru mengikut perwakilan yang sama.
- (c) Untuk menjalankan sesuatu mesyuarat, korum yang diperlukan adalah seramai 6 orang (tidak termasuk Setiausaha).
- (d) Kehadiran pemerhati adalah di atas jemputan pengerusi.

8.5.5 KEKERAPAN MESYUARAT

Kekerapan mesyuarat adalah sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

8.6 JAWATANKUASA TEKNIKAL KOMPETENSI

8.6.1 PELANTIKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL KOMPETENSI

Ahli-ahli jawatankuasa teknikal kompetensi hendaklah dilantik oleh Ketua Pengarah. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti di bawah:

- (a) Pengerusi: Pengarah Bahagian berkaitan
- (b) Setiausaha: Wakil pusat peperiksaan
- (c) Ahli jawatankuasa:-
 - i. Pegawai dari JKKP
 - ii. Wakil pusat pengajar/pusat peperiksaan
 - iii. Wakil Industri

8.6.2 Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasateknikal kompetensi

Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa teknikal kompetensi adalah seperti berikut:

- (a) Memantau pelaksanaan dan prestasi program latihan;
- (b) Membangunkan kaedah penilaian dan memantau pelaksanaan penilaian;
- (c) Mengendalikan kes-kes rayuan berkaitan penilaian peperiksaan;
- (d) Menggubal soalan peperiksaan;
- (e) Membangun, menyemak, membetul dan mencadangkan modul dan soalan-soalan di dalam bank soalan peperiksaan kepada jawatankuasa Panel Kompetensi untuk memastikan ianya relevan dengan sukatan pelajaran program.
- (f) Menyemak modul dan soalan-soalan peperiksaan daripada aspek teknikal dan bahasa yang merangkumi versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (g) Mencadangkan nama tenaga pengajar dan pemeriksa atau penilai peperiksaan untuk pengesahan dan perakuan Panel Kompetensi.
- (h) Menganalisis keperluan program dan *trend* keputusan peperiksaan.
- (i) Mencadangkan format, kaedah dan prosedur bagi program dan peperiksaan yang ditetapkan.
- (j) Mencadangkan tarikh, tempat dan kekerapan bagi pelaksanaan program dan peperiksaan.
- (k) Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan program dan peperiksaan yang ditetapkan dan diarahkan oleh Panel Kompetensi dari masa ke semasa.

8.6.3 KOD ETIKA

- (a) Perkara-perkara yang berkaitan dengan program, peperiksaan dan soalan-soalan peperiksaan yang telah dibincangkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Kompetensi tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh didedahkan kepada umum dalam sebarang bentuk sama ada secara bercetak atau lisan.
- (b) Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Kompetensi tidak dibenarkan membawa keluar sebarang dokumen bercetak daripada bilik mesyuarat selepas mesyuarat selesai.

8.6.4 TERMA PERLANTIKAN

- (a) Senarai ahli-ahli di dalam Jawatankuasa Teknikal Kompetensi perlu mendapat persetujuan Ketua Pengarah JKKP.
- (b) Jika terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat tiga (3) kali berturut-turut tanpa sebab yang diperakui oleh ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Kompetensi, maka ahli tersebut boleh dicadangkan untuk digugurkan. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Kompetensi boleh mencadangkan ahli baru mengikut perwakilan yang sama.
- (c) Untuk menjalankan sesuatu mesyuarat, korum yang diperlukan adalah seramai 4 orang (tidak termasuk Setiausaha).

8.6.5 KEKERAPAN MESYUARAT

Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

8.7 PEPERIKSAAN KOMPETENSI

8.7.1 PENGENDALIAN PEPERIKSAAN

Pengendalian ujian atau peperiksaan bagi setiap kompetensi hendaklah memenuhi syarat berikut:

- (a) Peperiksaan dikendalikan oleh pusat peperiksaan yang berdaftar dengan Ketua Pengarah;
- (b) Peperiksaan hendaklah menggunakan soalan-soalan yang telah diluluskan oleh Panel Kompetensi;
- (c) Penggubalan format dan soalan-soalan peperiksaan perlu diselia oleh JK Teknikal Kompetensi yang berkaitan;
- (d) Kelengkapan dan kemudahan tempat mengadakan peperiksaan hendaklah mengambil kira keselesaan peserta dan kawalan integriti pelaksanaan peperiksaan kompetensi serta bersesuaian dengan kaedah penilaian bagi setiap kompetensi.

8.7.2 PENILAIAN PEPERIKSAAN

- (a) Penilaian bagi setiap peperiksaan kompetensi hendaklah memenuhi syarat berikut:
 - i. dijalankan oleh penilai peperiksaan yang diperakukan oleh Panel Kompetensi;
 - ii. dijalankan oleh sekurang-kurangnya oleh 2 orang penilai peperiksaan; dan
 - iii. salah seorang penilai peperiksaan hendaklah merupakan pegawai dari JKKP.
- (b) Penilai peperiksaan hendaklah memenuhi syarat kelayakan berikut:
 - i. Mempunyai minimum 3 tahun pengalaman sebagai OYK dalam bidang yang berkaitan; dan
 - ii. Mempunyai pengalaman sebagai pengajar kursus yang berkaitan.
- (c) Penilai peperiksaan yang memenuhi syarat kelayakan akan diperakukan oleh Panel Kompetensi untuk tempoh selama 3 tahun.

LAMPIRAN



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

BORANG PENDAFTARAN PUSAT PENGAJAR

BAHAGIAN A

MAKLUMAT AM

Nama pusat pengajar			
Alamat surat menyurat			
Alamat tempat pengendalian kursus			
Alamat tempat latihan praktikal			
No tel:		No Faks	
Emel:			
Nama pegawai bertanggungjawab		Jawatan	
Peringkat kursus yang disediakan	<input type="checkbox"/> Ijazah <input type="checkbox"/> Diploma <input type="checkbox"/> Sijil		
Kursus yang ditawarkan	<input type="checkbox"/> Penaksir Risiko Kimia(CRA) <input type="checkbox"/> Teknologis Higien 1 (HT1) <input type="checkbox"/> Penaksir Kualiti Udara Dalam (IAQ) <input type="checkbox"/> Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan (AGTES) <input type="checkbox"/> Orang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga (AESP) <input type="checkbox"/> Teknologis Higien 2 (HT2) <input type="checkbox"/> Penaksir Risiko Bising (NRA) <input type="checkbox"/> Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) <input type="checkbox"/> Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) <input type="checkbox"/> Drebar Enjin Stim <input type="checkbox"/> OYK Lif <input type="checkbox"/> OYB Mesin Angkat <input type="checkbox"/> Jurutera Stim <input type="checkbox"/> Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD)		
	<input type="checkbox"/> Pengendali Perancah		

	<p>Peringkat: <input type="checkbox"/>Asas <input type="checkbox"/>Pertengahan <input type="checkbox"/> Tertinggi</p> <p>Jenis: <input type="checkbox"/>Kerangka (<i>frame</i>) <input type="checkbox"/>Tiub (<i>tubular</i>)</p>
	<p><input type="checkbox"/>Operator Kren</p> <p>Jenis: <input type="checkbox"/>Menara <input type="checkbox"/>Bergerak <input type="checkbox"/>Derek (<i>crawler</i>)</p>
	<p><input type="checkbox"/>Orang Kompeten <i>Non-Major Hazard</i> <input type="checkbox"/>Orang Kompeten <i>Major Hazard</i></p>
Maklumat pengajar	Sila senaraikan maklumat-maklumat berkenaan pengajar kursus yang berkaitan mengikut maklumat seperti dalam Lampiran TP

DRAFT

BAHAGIAN B

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN

Sila sertakan Lampiran PP-2 bagi kursus kompetensi berkaitan yang telah lengkap diisi.

DRAFT

BAHAGIAN C

DOKUMEN DAN MAKLUMAT BERKAITAN

Sila tandakan (x) pada petak yang berkenaan.

Bil.	Perkara	Ada	Tiada	Catatan/ Perincian
a.	Latar belakang syarikat, carta organisasi dan dasar keselamatan dan kesihatan			
b.	Senarai dan maklumat tenaga pengajar termasuk seorang tenaga pengajar tetap			
c.	Modul kursus termasuk jangkamasa untuk setiap topik			
d.	Nota lengkap kursus			
e.	Mekanisme penilaian dan maklumbalas peserta			
f.	Kaedah penyimpanan rekod peserta			
g.	Maklumat lain yang berkaitan (sila nyatakan)			



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

BORANG PENDAFTARAN TENAGA PENGAJAR

Nama (Pengajar)	
No Kad Pengenalan	
No Telefon	
No Faks	
Alamat Surat Menyurat	
Nama & Alamat Majikan	
No Telefon & Faks Majikan	
Jawatan Sekarang	
Kelayakan Akademik	
Pengalaman Bekerja (Jawatan/Majikan/Jangkamasa)	
Bidang Kepakaran	
Pengalaman sebagai Pensyarah/Pengajar (Bidang/Organisasi/Jangkamasa)	
Pengalaman sebagai Orang Yang Kompeten	
Keahlian Badan/Persatuan Professional	

Tajuk Ceramah yang akan Diajar	
Status	Tetap <input type="checkbox"/> Jemputan <input type="checkbox"/>

Dengan ini saya
mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang saya nyatakan di atas adalah benar.

Tarikh :

Tandatangan:.....

****Catatan:**

Sila lampirkan bersama:

- i. Salinan Surat persetujuan daripada pengajar
- ii. Salinan perjanjian diantara pusat pengajar dan pengajar dengan dimatikan setem

**KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN BAGI PERMOHONAN PUSAT
PENGAJAR**

Pusat Pengajar Kursus Kompetensi Penaksir Risiko Kimia

<p>a. Premis bagi latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kelas 2. Kelengkapan mengajar 3. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (minimum 30 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengudaraan (neutral/split unit/centralized) <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMA 2. OSHA 3. Peraturan Sisa Terjadual 4. Akta Racun Makhluk Perosak 5. Manual CHRA Edisi 3 6. ICOP CLASS
<p>b. Simulator</p>	<p>Tiada</p>
<p>c. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<p>Mengikut keperluan semasa latihan amali</p>

Peralatan/kelengkapan lain.

Perkara	Perincian	Kuantiti		Ada	Tiada
Peralatan-peralatan					

Pusat Pengajar Kursus Kompetensi Teknologis Higien 1 (HT1)

<p>a. Premis bagi latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keadaan kelas ii. Kelengkapan mengajar iii. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (minimum 30 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengalihan udara (neutral/split unit/centralized) <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMA 2. OSHA 3. <i>Guideline on Monitoring of Airborne Contaminant for Chemical Hazardous To Health</i>
<p>b. Simulator (ada/tiada)</p>	<p>Tiada</p>
<p>c. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<p>Mengikut keperluan semasa latihan amali</p>

Peralatan-peralatan lain.

Perkara	Perincian	Kuantiti		Ada	Tiada
Peralatan-peralatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Sampling pump</i> 2. <i>Sampling media</i> bagi <i>particulates, dust, mist, gases</i> dan <i>vapors</i> 				

Pusat Pengajar Kursus Kompetensi Penaksir Kualiti Udara Dalam (IAQ)

<p>a. <u>Premis bagi latihan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kelas 2. Kelengkapan mengajar 3. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (minimum 30 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengudaraan(neutral/split unit/centralized) <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. ICOP IAQ
<p>b. Simulator (ada/tiada)</p>	<p>Tiada</p>
<p>c. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<p>Mengikut keperluan semasa latihan amali</p>

Peralatan-peralatan lain.

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
<p>Peralatan-peralatan</p>	<p>Peralatan yang dapat mengukur, atau mengambil sampel:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pergerakan udara; 2. Suhu; 3. Kelembapan relatif; 4. Karbon monoksida; 5. Karbon dioksida 6. Ozon; 7. Formaldehid; 8. Zarah ternafaskan; 9. Jumlah sebatian organik meruap; 10. Bakteria; 11. Kulat; 12. Peratusan udara luar(%OA) 13. Kadar pengalihudaraan (CFM) 			

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN BAGI PUSAT PENGAJAR KURSUS RUANG TERKURUNG

A. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Teori

Perkara	Perincian	Ada/Ya	Tiada/Tidak	Sila Nyatakan
Bilik Syarahan	Bilangan			
	Keluasan (sesuai 25 orang)			
	Sistem pengudaraan			Jenis*: <i>neutral/split unit / centralized</i>
Kelengkapan Mengajar	Komputer			
	Projektor			
	Whiteboard			
Bahan rujukan	FMA			
	OSHA			
	ICOP Confined Space 2010			

*Potong yang tidak berkaitan

B. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Praktikal

Perkara	Perincian	Kuantiti		Ada	Tiada
		AGTES	AESP		
Kawasan Praktikal/ Simulator	Bahagian menegak $\geq 1.52\text{m}$ dengan <i>manhole</i> diatas (<i>demonstrasitripod & harness</i>)				
	Bahagian mendatar $\geq 2.13\text{m}$ dengan <i>manhole</i> (<i>demonstrasi komunikasi AE & SP</i>)				
	Bahagian bengkok L atau U shape (<i>senario ruang sempit dan terhad</i>)				
	<i>Valve/ LOTO</i>				
	2 <i>manhole</i> (45cmx45cm)				
	<i>Signage</i>				
	Pita keselamatan				
	Bumbung				
	Pintu kecemasan				
	Tangga				
Pengadang					
Alat pelindung diri (PPE)	Kasut keselamatan	4	4		
	Cermin mata keselamatan	4	4		
	Topi keselamatan	4	4		
	Sarung tangan	4	4		
	<i>Overall/ Pakaian sesi praktikal</i>	4	4		
	<i>Vest</i> keselamatan	4	4		
	<i>Respirator</i>	4	4		
Peralatan	Alat penguji gas (<i>Multigas detector</i>)beserta aksesori	1	2		
	Peralatan pernafasan (SCBA) beserta aksesori	1	2		

	<i>Escape set</i> beserta aksesor	1	1		
	<i>Airline system</i> beserta aksesor	1	1		
	Set <i>tripod</i> +kelengkapan	1	1		
	Sawang-sawang(<i>Barricade tape</i>)	1	1		
	Kon	8	8		
	Papantanda	1	1		
	<i>Lifeline</i> (1-5meter)	2	2		
	<i>Ventilator + Electrical connection/ Generator set</i>	1	1		
	<i>Distress Signal Unit(DSU)</i> (pilihan)	1	1		
	Payung besar(berteduh)	1	1		

DRAFT

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN BAGI PUSAT PENGAJAR KURSUS PENAKSIR RISIKO BISING

A. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Teori

Perkara	Perincian	Ada/Ya	Tiada/Tidak	Sila Nyatakan
Bilik Syarahan	Bilangan			
	Keluasan (sesuai 25 orang)			
	Sistem pengudaraan			Jenis*: <i>neutral/split unit / centralized</i>
Kelengkapan Mengajar	Komputer			
	Projektor			
	Whiteboard			
Bahan rujukan	FMA			
	OSHA			
	<i>Guidelines for Control of Occupational Noise, 2005</i>			

*Potong yang tidak berkaitan

B. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Praktikal

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
Kawasan Praktikal	Makmal Komputer / Kemudahan untuk mempelajari perisian <i>Sound Level Meter (SLM)</i> dan <i>Dosimeter</i>	1		
	Lokasi kilang yang dikenalpasti untuk praktikal secara berkumpulan	Maksimum 5 calon bagi setiap kumpulan		
Alat pelindung diri (PPE)	Kasut keselamatan	5		
	Topi keselamatan	5		
	Sarung tangan	5		
	Vest keselamatan	5		
	<i>Ear Muff</i>	5		
	<i>Ear plug</i>	5		
Peralatan	SLM	5		
	<i>Sound Level Calibrator</i>	5		
	<i>Dosimeter</i>	5		
	Perisian (<i>SLM/ Dosimeter</i>)	1		

KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN BAGI PUSAT PENGAJAR KURSUS TEKNOLOGIS HIGIEN 2

A. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Teori

Perkara	Perincian	Ada/Ya	Tiada/Tidak	Sila Nyatakan
Bilik Syarahan	Bilangan			
	Keluasan (sesuai 25 orang)			
	Sistem pengudaraan			Jenis*: <i>neutral/split unit / centralized</i>
Kelengkapan Mengajar	Komputer			
	Projektor			
	Whiteboard			
Bahan rujukan	FMA			
	OSHA			
	<i>Guidelines on Occupational Safety and Health for Design, Inspection, Testing and Examination of Local Exhaust Ventilation System, 2008</i>			

*Potong yang tidak berkaitan

B. Kelengkapan dan Kemudahan Latihan Praktikal

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada	
Kawasan Praktikal/Simulator	<i>Enclosing Hoods</i> • <i>Complete/Total Enclosure Hood</i>	1			
	<i>Partial Enclosure Hood</i> • <i>Fume Hood</i>	1			
	<i>Exterior Hoods</i> • <i>Capture hood</i> • <i>Side draft hood</i> • <i>Slot hood</i> • <i>Downdraft hood</i> • <i>Telescopic fume extraction arms</i>				
			1		
			1		
			1		
			1		
	<i>Receiving hood</i> • <i>Canopy hood</i>	1			
	<i>LVHV System</i>	1			
	<i>Round Ducting</i>	1			
<i>Rectangular Ducting</i>	1				
	<i>Testing Facilities for</i> • <i>Face Velocity</i>				
	• <i>Capture Velocity</i> • <i>Static Pressure</i>				

	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Velocity pressure</i> • <i>Transverse point</i> • <i>RPM</i> 			
Alat pelindung diri (PPE)	Kasut keselamatan	5		
	Cermin mata keselamatan	5		
	Topi keselamatan	5		
	Sarung tangan	5		
	Overall/ Pakaian sesi praktikal	5		
	Vest keselamatan	5		
	Respirator	5		
Peralatan	Pitot tube	5		
	Silicone Tube	5		
	Manometer	5		
	Multi-Function Anemometer	5		
	Tachometer	5		
	Smoke Tube	5		
	Measuring Tape	5		
	Aluminium Duct Tape/ Hole Plug	5		
	Drill	5		
	Thermometer	5		

DRAFT

Pusat Pengajar Kursus Doktor Kesihatan Pekerjaan

<p>a. Premis bagi latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kelas 2. Kelengkapan mengajar 3. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (sesuai 25 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengudaraan (neutral/split unit/centralized) 4. First aid box dengan kandungan yang mencukupi 5. Pemadam api <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMA 2. OSHA 3. ICOP 4. Medical Surveillance Guidelines
<p>b. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kasutkeselamatan 2. Cerminmatakeselamatan 3. Topikeselamatan 4. Sarungtangan 5. Overall / Pakaiansesi praktikal 6. Vest keselamatan 7. Respirator / Mask

Peralatan/kelengkapan lain.

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
Peralatan-peralatan	Dosimeter	1		
	Sound level meter	1		
	Spirometer	1		
	Audiometer	1		
	Silent booth	1		
	X-ray viewer	1		

Pusat Pengajar Jurutera Stim/Jurutera Enjin Pembakaran Dalam/Drebar Enjin Pembakaran Dalam

<p>a. <u>Premis bagi latihan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kelas 2. Kelengkapan mengajar 3. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (sesuai 25 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengudaraan (<i>neutral/split unit/centralized</i>) <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMA 2. OSHA <p><u>Peralatan keselamatan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. First aid box 2. Pemadam api <p><u>Kemudahan asas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilik air / tandas 2. Ruang rehat 3. Surau
<p>b. Simulator (ada/tiada)</p>	<p><u>Ciri-ciri simulator</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Model Dandang Stim <ol style="list-style-type: none"> a. Dandang stim tiub air b. Dandang stim tiub api ii. Model Enjin Pembakaran Dalam <ol style="list-style-type: none"> a. 2 lejang b. 4 lejang
<p>c. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kasut keselamatan 2. Cermin mata keselamatan 3. Topi keselamatan 4. Sarung tangan 5. Overall / Pakaian sesi praktikal 6. Mask 7. glove

Peralatan-peralatan lain

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
Peralatan-peralatan	Welding gauge	1		
	Lampu suluh	2		
	UTTG (Thickness Gauging)	1		
	Penukul/Hammer	1		
	Scraper	1		
	Flaw detector	1		
	Kanta pembesar	1		
	Boroscope	1		
	Pitting gauge	1		

DRAFT

Kursus: Kompetensi Orang Kompeten Major Hazard

<p>a. <u>Premis bagi latihan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kelas 2. Kelengkapan mengajar 3. Peralatan amali 	<p><u>Keadaan kelas</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan (sesuai 25 org) 2. Pencahayaan (300 lux) 3. Sistem pengudaraan (neutral/split unit/centralized) <p><u>Kelengkapan alat bantuan mengajar</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laptop 2. Projektor 3. Whiteboard <p><u>Bahan rujukan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMA 2. OSHA
<p>b. Simulator</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Software Quantitative Risk Assessment (QRA) 2. Kemudahan komputer
<p>c. Alat pelindung diri (PPE)</p>	<p>Mengikut keperluan semasa latihan amali</p>

Peralatan-peralatan lain.

Perkara	Perincian	Kuantiti	Ada	Tiada
Peralatan				